

**Jilid IV
Bil. 2**



**Hari Selasa
8hb April, 1986**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 173]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 239]**

MALAYSIA
PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BENEDICT STEPHENS,
P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR
MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T.,
P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN KEE
YONG WEE (Wilayah Persekutuan—Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN NG CHENG KIAT (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN
DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S.
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N.
(Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M.
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K.
(Kedah).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI HAJI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN CHAN CHOONG TAK (Dilantik).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P.,
A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Trengganu).

- Yang Berhormat PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI DATIN JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ PUAN MAZIDAH BINTI HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN RAJOO A/L DESARI *alias* GOVINDASAMY (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

„ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

„ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

„ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD
(Dilantik).

„ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).

„ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

„ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).

„ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).

„ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

„ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).

„ TUAN WONG YAU KET (Sabah).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar.
 Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
 Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
 Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.
 Penyunting Kanan: P. B. Menon.
 Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.
 Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.
 Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
 Suhor bin Husin.
 Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
 Juliah binti Awam.
 Supiah binti Dewak.
 Ismail bin Hassan.
 Shamsiah binti Mohd. Yusof.
 Hajjah Kalsom binti Ghazali.
 Mohamed bin Osman.
 Norishah binti Mohd. Thani.
 Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 8hb April, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

RASUAH—KENYATAAN
NEGARA JIRAN

1. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa seorang pemimpin dari negara jiran telah membuat teguran yang tidak sihat mengenai keadaan rasuah di negara ini. Jika sedar, sama ada Kerajaan akan menghantar surat bantahan kepada perwakilan Kerajaan Negeri berkenaan. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa?

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya tidak ada kenyataan atau teguran yang tidak sihat dari pemimpin negara jiran yang dibuat mengenai keadaan rasuah di Malaysia.

GETAH—KEMEROSOTAN
HARGA

2. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berikutan harga getah yang merosot, apakah tindakan

Kerajaan untuk mengatasi keadaan ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia berikutan kemerosotan harga getah ialah melalui kerjasama dengan negara-negara pengeluar dan juga negara-negara pengguna menerusi penglibatan dalam Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) yang telah wujud sejak akhir tahun 1980. Langkah-langkah INRA ini telah dapat membantu menahan harga getah dari terus merosot ke paras yang lebih buruk lagi.

Di peringkat dalam negeri pula, selain daripada pembelian oleh MARDEC dan RISDA yang sentiasa berada di pasaran bagi menentukan harga yang ditawarkan kepada pekebun-pekebun kecil adalah adil dan competitive, kita perlu juga terus mempergiatkan usaha-usaha untuk mengurangkan kos pengeluaran serta bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti yang bertujuan untuk menjadikan perusahaan getah Malaysia lebih berdaya maju dan dapat bersaing di pasaran antarabangsa. Dengan kecekapan dan produktiviti yang tinggi kesan buruk kejatuhan harga boleh dikurangkan.

Dalam konteks pemasaran pula, usaha-usaha akan terus dilakukan bagi memperkukuhkan lagi eksport getah Malaysia ke pasaran yang sedia ada di samping mencari pasaran baru. Misi galakan bagi meningkatkan eksport

akan terus dihantar ke beberapa buah negara bagi mempertingkatkan eksport getah asli Malaysia. Di samping itu Malaysia juga sedang berusaha bagi mewujudkan kerjasama dan persefahaman dengan negara-negara pengeluar supaya harga getah berada di paras yang menguntungkan.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Timbalan Menteri yang berkenaan memberikan satu jawapan yang memuaskan. Sungguhpun begitu, saya hendak menambah sedikit, baru-baru ini kita dapat tahu bahawa kelapa sawit ada digunakan sebagai bahan api, begitu juga adakah apa-apa penyelidikan telah dibuat ke atas getah untuk menjadikannya sebagai bahan api dalam bentuk cecair supaya dapat kita mempelbagaikan kegunaan getah? Ini akan membolehkan kita memperoleh hasil lagi dalam negara kita.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dan jikalau sekiranya Yang Berhormat merasakan bahawa pencarian penggunaan baru ini boleh menguntungkan, saya berharap Yang Berhormat dapat menolong Kementerian saya untuk memberikan "feed-back", dengan izin, dengan detail kepada Kementerian saya untuk dikaji.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada disebutkan usaha-usaha untuk mengurangkan kos pengeluaran bagi industri getah. Adakah pihak Kementerian sedar iaitu setiap kali pemimpin mengatakan hasrat untuk mengurangkan kos pengeluaran, pihak-pihak majikan dalam industri getah ini terutama pemilik-pemilik ladang-ladang getah yang besar selalu menanggung di air keruh mengambil kesempatan

bertindak mengurangkan gaji-gaji, bayaran upah kepada buruh-buruh di dalam sektor ini? Dengan demikian, adakah pihak Kerajaan suka hati melihat pihak majikan menindas, menghisap darah pihak pekerja-pekerja ini sehingga mereka ini bekerja seolah-olah seperti abdi kepada majikan itu?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jikalau sekiranya negara kita bercakap tentang sains dan teknologi, tentulah kita bercakap perkara yang moden. Apabila kita menggunakan buruh yang begitu banyak dan membelanjakan wang yang begitu banyak, Ahli-ahli Yang Berhormat juga menuduh bahawa Kementerian tidak mengambil berat untuk mewujudkan satu pembaharuan dan permodenan mengikut aliran sains dan teknologi yang ada hari ini. Inilah yang sukarnya. Bagaimanapun pihak Kementerian, di samping mempertingkatkan dan mempermodenkan sektor industri getah ini dengan mencari bahan-bahan yang moden untuk mengurangkan kos pengeluaran, kita juga memastikan bahawa tidak ada buruh-buruh yang teraniaya dalam industri tersebut.

INDUSTRI BERASASKAN SUMBER ASLI

3. Puan Mazidah binti Haji Zakaria minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) memandangkan potensi bagi Malaysia untuk terus meningkatkan usaha-usaha perindustriannya melalui pembangunan industri-industri berasaskan pada sumber asli, apakah peratusan eksport getah asli, bijih timah, balak dan kelapa sawit kita yang dieksport sebagai barangan dalam bentuk yang sudah diproses dan/atau dalam bentuk separuh proses; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang dicadangkan dalam pelan induk industri bagi mempertingkatkan pembangunan industri-industri yang berasaskan pada sumber asli, pemerosesan dan eksport bagi barangan-barangan utama yang disebutkan di atas.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Kee Yong Wee): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejayaan yang tercapai dalam pemerosesan tempatan bagi bahan-bahan mentah utama negara iaitu getah, kayu-kayan, kelapa sawit dan bijih timah sehingga kini adalah menggalakkan. Kadar peratusan eksport bahan-bahan ini dalam bentuk yang sudah diproses dan separuh proses sebagai peratus daripada jumlah eksport bahan-bahan mentah tersebut adalah 63% bagi kayu-kayan, 98% bagi minyak kelapa sawit, 12% bagi isirong kelapa sawit, 7% bagi getah dan 3% bagi bijih timah. Salah satu matlamat Pelan Induk Perindustrian (IMP) adalah untuk menambahkan pemerosesan bahan-bahan mentah tempatan terutama untuk eksport. Di dalam perusahaan seperti minyak kelapa sawit di mana hampir kesemua hasil minyak kelapa sawit mentah telah diproses dalam negeri, tekanan IMP adalah untuk meningkatkan pengilangan terhadap keluaran-keluaran yang mempunyai nilai tambahan yang lebih seperti "oleo-chemicals" dan "speciality fat products" untuk pasaran eksport.
- (b) Di antara langkah-langkah yang dikenalpasti di bawah IMP bagi memesatkan pembangunan

industri-industri tersebut adalah menggalakkan industri-industri tertentu, misalnya, tayar, latex products, perabot dan "oleochemicals" melalui pemberian galakan-galakan yang menarik bagi industri-industri itu. Bagi industri-industri yang memerlukan pembaharuan, umpamanya dari segi mengubahsuai teknologi pengeluaran, seperti kayu gergaji dan papan lapis, galakan-galakan yang disyorkan adalah ke arah memudahkan industri-industri ini melaksanakan rasionalisasi dan pemodenan. Pelan Induk Perindustrian juga menegaskan tentang pentingnya industri-industri yang digalakkan terutama untuk eksport itu mempunyai struktur kos yang setanding dengan negara-negara bersaing supaya dapat menjamin competitiveness, dengan izin, keluaran-keluaran buatan Malaysia di pasaran antarabangsa. Untuk tujuan tersebut, Kerajaan akan sentiasa mengawasi kos pengilang-pengilang tempatan untuk menentukan kos-kos yang penting seperti bahan mentah, kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sebagainya berada di paras yang munasabah.

AEROSPACE INDUSTRIES— KEMAJUAN DICAPAI

4. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan kegiatan-kegiatan dan kemajuan yang telah dicapai oleh Syarikat Aerospace Industries Malaysia Berhad (AIM) semenjak ianya ditubuh.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan

bahawa Syarikat Aerospace Industries Malaysia Sdn. Berhad (AIM) adalah sebuah syarikat induk (holding company) yang telah ditubuhkan pada 31hb Disember, 1983 untuk menguruskan pertumbuhan industri penerbangan di negara ini. Syarikat ini telah ditubuhkan hasil dari persefahaman di antara pihak Kerajaan, MAS dan UMW masing-masing mempunyai pegangan saham yang sama banyak.

AIM sedang membuat beberapa kajian untuk penubuhan anak syarikat. Pada masa ini AIM telah menetapkan bahawa pekerjaan penyelenggaraan (maintenance) dan baikpulih (overhaul) kapalterbang adalah menjadi keutamaan. Keputusan ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan supaya memberi penumpuan kepada perkhidmatan itu sebagai permulaan.

Oleh itu Aim telah menubuhkan sebuah anak syarikat iaitu Airod Sdn. Berhad pada 10hb Disember, 1984 secara usahasama dengan Syarikat Lockheed Aircraft Services International, U.S.A. untuk mengendalikan kerja penyelenggaraan dan baikpulih itu. Semenjak Airod Sdn. Berhad ditubuhkan kerja penyelenggaraan baikpulih dan modifikasi enjin serta komponen dan juga alat avionik telah dilakukan bagi kapalterbang TUDM jenis F5, Carribou, Helikopter Nuri, Alouette, PC7 dan sebagainya. Beberapa langkah sedang diambil untuk meningkatkan lagi kebolehan dan kemampuan Airod supaya dapat melakukan semua pekerjaan di negara ini untuk semua jenis kapalterbang TUDM dengan tidak payah lagi dihantar ke luar negeri. Syarikat ini sedang mendapatkan kelengkapan perkakas bagi tujuan itu.

Di samping itu Syarikat ini telah menerima beberapa pekerjaan khasnya bagi kerja "calibration", dengan izin, untuk alat elektronik bagi

Jabatan Telekom, Syarikat Motorola, Ericsson, Texas Instruments, Malaysia Air Charter Sdn. Berhad dan MAS. Hasil dari persetujuan di antara AIM dan Lockheed, Airod Sdn. Berhad telahpun dapat memasang dan menguji alat "Digital Flight Data Recorders" atau Kotak Hitam (Black Box) yang telah dikeluarkan pada bulan Mac 1986. Ini adalah satu titik permulaan untuk Syarikat itu menceburkan diri dalam bidang teknologi tinggi (high technology).

Adalah menjadi dasar Airod untuk melibatkan usaha dalam reka-bentuk kelengkapan sejajar dengan kawalan mutu yang tinggi dengan mengambil kira kos. Syarikat ini sedang berusaha untuk mendapatkan sijil dari pihak Jabatan Penerbangan Awam supaya Airod boleh melakukan pekerjaan pembaikan untuk enjin kapalterbang awam.

Saya ingin menyatakan bahawa Airod Sdn. Berhad sebagai syarikat penswastaaan pertama Kerajaan Malaysia telah pun membuktikan kebolehan dan kemampuannya dalam bidang penyelenggaraan dan baikpulih kapalterbang. Dalam tahun pertama Syarikat ini telah pun menunjukkan keuntungan dalam operasinya. Saya yakin bahawa Airod akan menjadi sebuah syarikat yang setanding dengan syarikat lain yang ditubuhkan lebih awal di rantau ini, khasnya untuk bertanding di pasaran antarabangsa bagi mendapatkan pekerjaan penyelenggaraan dan baikpulih kapalterbang tentera dan awam.

PENEROKA KETURUNAN INDIA

5. Dato' Dr K. S. Nijhar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan jumlah bilangan peneroka dalam rancangan-ancangan tanah FELDA, FELCRA, JENGKA, DARA, KEJORA dan lain-lain rancangan tanah setakat 14-3-1986 ini

mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, bilangan dan peratusan rakyat Malaysia keturunan India yang menjadi peneroka di rancangan-rancangan tanah ini mengikut negeri, dan juga menyatakan sama ada beliau berpuas hati bahawa bilangan penyertaan rakyat Malaysia keturunan India adalah sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru, dan sekiranya tidak, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, bilangan peneroka FELDA dan peneroka keturunan India serta peratusannya sehingga 14hb Mac, 1986 mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Peneroka</i>	<i>Peneroka India</i>	<i>%</i>
Perlis	842	Tiada	—
Kedah	2,969	Tiada	—
Perak	4,437	77	1.74
Selangor	2,143	107	4.99
Negeri Sembilan	14,994	589	3.93
Melaka	1,328	21	1.58
Johor	21,810	111	0.51
Pahang	38,250	608	1.59
Terengganu	5,907	Tiada	—
Kelantan	2,037	Tiada	—

Jadi keseluruhan peneroka FELDA hingga ke tarikh tersebut ialah 94,717 keluarga dan dari keturunan India pula berjumlah 1,513 keluarga atau 1.59%.

Manakala bilangan peneroka FELCRA pula adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Peneroka</i>	<i>Peneroka India</i>	<i>%</i>
Perlis	650	Tiada	—
Kedah	4,737	Tiada	—

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Peneroka</i>	<i>Peneroka India</i>	<i>%</i>
Pulau Pinang ..	892	Tiada	—
Perak	12,959	41	0.32
Selangor	605	Tiada	—
Negeri Sembilan	6,231	143	2.32
Melaka	6,231	13	1.21
Johor	8,972	28	0.31
Pahang	7,282	Tiada	—
Terengganu	4,225	Tiada	—
Kelantan	3,721	Tiada	—

Keseluruhan peneroka FELCRA sehingga 14hb Mac, 1986 ialah 51,349 orang, dan dari jumlah tersebut 227 orang atau 0.44% adalah dari keturunan India. Manakala agensi-agensi Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang lain tidak mempunyai peneroka secara khusus. Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah seperti JENGKA, DARA, KEJORA, KESEDAR, KETENGAH, KEDA dan PERDA dipertanggungjawab memajukan sesuatu wilayah itu tanpa mengira kaum, agama, kebudayaan dan asal keturunan. RISDA juga tidak mempunyai peneroka yang khusus, cuma yang ada ialah pekebun-pekebun kecil yang menyertai program tanaman semula. Untuk menyertai program ini RISDA tidak mengambil kira kaum, agama dan kebudayaan. Setiap permohonan yang layak akan dipertimbangkan.

Dari perangkaan yang diberikan tadi, memanglah diakui bahawa peratus rakyat keturunan India menyertai rancangan-rancangan tanah adalah kecil jika dibandingkan dengan kaum Bumiputera. Keadaan ini berlaku oleh kerana bilangan permohonan menyertai rancangan yang diterima daripada rakyat keturunan India adalah jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan permohonan daripada kaum

Bumiputera. Permohonan untuk menyertai rancangan FELDA, misalnya, pada masa sekarang senarai menunggu adalah sebanyak 13,335 orang. Dari jumlah itu cuma 443 orang atau 3.3% sahaja dari keturunan India yang belum tentu ada kelayakannya. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah mempergiatkan usaha untuk meningkatkan penyertaan penduduk-penduduk luar bandar dari semua kaum semenjak beberapa tahun yang lepas.

Tuan Haji Mohamed bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, setakat ini adakah Kementerian bercadang untuk mengambil orang-orang cacat untuk menyertai FELDA atau FELCRA dan jika ada berapa ramaikah peserta-peserta cacat ini yang telah mengambil bahagian?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, FELDA memang mengambil kira semua kumpulan masyarakat untuk ditempatkan dalam rancangan-rancangannya sekiranya ada minat. Dalam masalah orang-orang cacat, kita sedang menimbang kemungkinan mereka yang cacat pendengaran dapat dimasukkan dalam rancangan FELDA kerana ada masalah dari segi kumpulan orang-orang cacat yang lain seperti, misalnya, orang buta dan sebagainya yang mungkin akan menjadi masalah dan mungkin sektor pertanian bukan tempatnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 6.

PEKERJA-PEKERJA LADANG MEMILIKI TANAH

6. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom (*di bawah S. O. 23(2)*) minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar bahawa hanya 5% sahaja dari pekerja-pekerja ladang yang mempunyai tanah mereka sendiri dan jika ya, apakah langkah tegas yang sedang diambil untuk melaksanakan Rancangan Kepunyaan Rumah Pekerja (Worker's House Ownership Scheme) yang telah dilancarkan oleh Kerajaan beberapa tahun lepas.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak menyimpan rekod mengenai peratusan pekerja-pekerja ladang yang mempunyai tanah mereka sendiri. Walau bagaimanapun, mengikut kajian Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1979 sejumlah 13.5% daripada pekerja-pekerja ladang kelapa sawit dan 5.9% dari pekerja-pekerja ladang getah memiliki tanah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai skim Memiliki Rumah Pekerja pula, saya ingin memberitahu bahawa skim tersebut adalah merupakan suatu rancangan sukarela di mana para majikan ladang dan lombong digalakkan menyertainya supaya membolehkan pekerja-pekerja mereka memiliki rumah kediaman sendiri. Pelaksanaan skim seperti ini merupakan proses berterusan dan mengambil jangka masa yang panjang. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan terus menggalak lebih ramai majikan-majikan untuk menyertai skim tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sebanyak 8 buah ladang serta sebuah lombong telah berjaya melaksanakan skim Memiliki Rumah Pekerja masing-masing manakala 14 buah ladang dan 5 buah lombong yang lain telah sanggup menyertai skim tersebut. Kerjasama

Kerajaan Negeri adalah perlu untuk mempercepatkan proses pelaksanaan skim ini oleh kerana urusan tanah adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

ALKOHOLISMA—MEMBANTERAS PENYALAHGUNAAN

7. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah awal yang diambil bagi membanteras kesalahgunaan arak atau "alcoholism" supaya tidak menjadi-jadi. Setakat manakah masalah ini ujud di negara ini; dan
- (b) sedarkah Kementerian bahawa di setengah-setengah Negara Barat seperti di Eropah dan Russia masalah ini begitu menjadi-jadi sekali dan telah membebankan lagi masalah ekonomi, sosial dan kesihatan sebagai contoh; apa pula langkah-langkah jangka panjang Kementerian tentang masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Ban Hon Keong): Tuan Yang di-Pertua, alkoholisma ialah satu masalah sosial dan belum lagi menjadi masalah kesihatan yang besar di Malaysia.

Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa masalah alkoholisma menjadi-jadi sekali di setengah-setengah negara Barat seperti Eropah dan Rusia. Di Malaysia sebagai langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah alkoholisma, peranan Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian Kerajaan, pihak swasta dan juga badan-badan sukarela sangatlah perlu. Masalah ini tidaklah boleh di atasi oleh Kementerian Kesihatan sahaja. Bagaimanapun, Kementerian

Kesihatan akan mempergiatkan usaha pelajaran kesihatannya untuk menerangkan kepada orang ramai khasnya kanak-kanak sekolah bahaya penyalahgunaan alkohol. Adalah diharapkan sumbangan Kementerian Kesihatan ini akan dapat membantu mengurangkan masalah alkoholisma di negara ini.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah pihak Kementerian bahawasanya terdapat di kedai-kedai runcit di seluruh negara dijualkan packet ataupun kotak-kotak yang mengandungi arak-arak yang tertentu yang mana begitu bebas dijual dan boleh dibeli oleh sesiapa sahaja pun dan setengahnya boleh didapati di kalangan anak-anak murid sekolah pun di mana mereka dapat membeli packet yang mengandungi arak-arak yang tertentu. Mengapakah tidak suatu lesen ataupun satu pendaftaran dan sebagainya dikeluarkan untuk menentukan benda-benda seperti demikian tidak begitu berleluasa dijual di seluruh pelusuk tanahair?

Tuan Ban Hon Keong: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya tak ada angka. Ini saya akan minta notis.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian sedar bahawa terdapat penjualan samsu dalam bentuk plastik dan tiub di ladang-ladang. Harganya di antara 20 sen hingga \$1.20, di bawa dalam kereta dan dijual terus di tiap-tiap estet, sama ada dia mempunyai lesen atau tidak, kita belum tahu, tetapi kalau ini benar, adakah Kementerian Kesihatan ada mengeluarkan lesen untuk menjualkan barang ini? Jika tidak, bolehkah Kementerian bercadang membawa undang-undang seperti undang-undang mencegah dadah terhadap penjual-penjual dan pengedar-pengedar samsu dalam plastik ini, memandangkan ini menjejaskan kesihatan kaum buruh di negara kita?

Tuan Ban Hon Keong: Tuan Yang di-Pertua, mengenai lesen, saya fikir ini dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Sebab itu saya tiada angka di sini untuk menjawab. Saya akan minta notis.

Dato G. Pasamanickam: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan wang lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Adakah lesen ini dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan? Inilah yang saya hendak dapat tahu.

Tuan Ban Hon Keong: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya bagi pihak Kementerian akan ambil perhatian.

AMIR KEPADA JEMAAH HAJI—LANTIKAN

8. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Lembaga Urusan dan Tabung Haji bercadang akan terus melantik Amir-amir untuk membantu Jemaah Haji pada musim haji tahun ini dan adakah benar:

- (a) Amir-amir yang dilantik tidak memberi kekesanan kepada Jemaah Haji; dan
- (b) ada berlakunya penyelewengan oleh sebahagian daripada Amir-amir yang dilantik pada musim haji 1985.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, perlantikan ketua-ketua kumpulan iaitu Amir sebenarnya adalah dibuat oleh Jemaah Haji sendiri dan bukannya oleh Tabung Haji. Tidak boleh dinafikan bahawa ada di antara ketua-ketua kumpulan itu yang telah menjalankan peranan mereka dengan ikhlas dan ada juga yang tidak.

Tabung Haji sememangnya ada menerima beberapa pengaduan daripada Jemaah Haji yang menuduh bahawa ada ketua-ketua kumpulan

melakukan penyelewengan. Ada di antara ketua kumpulan iaitu Amir itu telah menjadikan urusan haji sebagai satu perniagaan.

Memandangkan bahawa sistem ketua kumpulan ini telah menimbulkan masalah, maka Tabung Haji telah membuat keputusan supaya sistem itu tidak diteruskan lagi pada tahun ini.

PEMBUANGAN PEKERJA-PEKERJA

9. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar tentang berlakunya pembuangan pekerja-pekerja di negara ini telah sampai ke tahap yang membimbangkan. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasinya;
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memberi kerja pada mereka yang hilang pekerjaan; dan
- (c) jumlah bilangan penganggur (mengikut negeri-negeri) seluruh negara sehingga 31-3-1986; dan apakah langkah yang sedang dilakukan oleh Kerajaan bagi mengatasinya.

11-4-86

19. Puan Mazidah binti Haji Zakaria minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pekerja yang telah dibuang kerja dalam industri-industri perlombongan bijih timah dan pembalakan (terutamanya bilangan bagi industri perlombongan bijih timah di Lembah Kinta) sebagai akibat dari kejatuhan harga barangan-barangan utama ini; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ini.

52. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pekerja pihak swasta yang telah dibuang kerja semenjak berlakunya keadaan ekonomi negara meleset;
- (b) jumlah bilangan buruh dari negara asing yang terpaksa diberhentikan kerja jika ada, dan dihantar pulang kerana keadaan ekonomi negara meleset; dan
- (c) adakah pihak Kerajaan juga melakukan demikian pada kakitangan jika ada berapa ramai bilangannya yang telah diberhentikan kerja.

14-4-86

11. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Buruh menyatakan sehingga 28hb Februari, 1986;

- (a) berapa ramai bilangan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja;
- (b) di sektor mana yang banyak terlibat;
- (c) berapa ramai pula yang telah ditolong untuk mendapatkan pekerjaan semula; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan membantu mereka yang masih belum mendapat pekerjaan.

15-4-86

39. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Buruh menyatakan bidangkuasa serta dasar-dasar pasukan petugas yang diilhamkan oleh Majlis Penasihat Buruh dan sejauh mana

keberkesanan peranan badan tersebut di dalam menyelesaikan masalah pengangguran negara.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberi jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd. Noor bin Bedah, saya ingin memaklumkan bahawa ada ramai Senator yang lain juga telah mengemukakan soalan-soalan yang bertumpu kepada masalah yang sama atau hampir-hampir sama seperti soalan dari Ahli Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria pada 11hb April, 1986, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam pada 11hb April, 1986, Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya pada 14hb April, 1986 dan yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim pada 15hb April, 1986.

Oleh yang demikian maka dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi satu jawapan yang menyeluruh kepada semua pertanyaan mengenai topik yang sama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa masalah pemberhentian kerja yang berlaku sekarang adalah satu isu nasional yang memerlukan pengawasan Kerajaan. Mengenai bilangan pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja, Kementerian saya sedang giat mengumpulkan angka-angka tersebut dan angka yang diketahui menjelang 28hb Februari, 1986 yang lalu ialah sejumlah 48,722 orang. Pecahan mengikut sektor perusahaan masing-masing adalah seperti di bawah:

Sektor Perusahaan	Bilangan (Orang)
Pembuatan	31,296
Perlombongan	9,270
Perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran	5,005

<i>Sektor Perusahaan</i>	<i>Bilangan (Orang)</i>
Pertanian, perhutanan dan perikanan	2,120
Perkhidmatan	496
Pembinaan	456
Kewangan	79
Jumlah ..	48,722

Tuan Yang di-Pertua, daripada maklumat yang diperolehi ini, sektor yang banyak sekali mengalami bilangan pemberhentian pekerjaan ialah sektor pembuatan dan perlombongan.

Memandangkan pemberhentian kerja di negara ini adalah merupakan masalah yang begitu serius maka Kerajaan Persekutuan telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk mengawasi serta membantu mengurangkan kesan-kesan pemberhentian pekerja-pekerja dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri, pihak majikan dan juga Kesatuan-kesatuan Sekerja. Langkah-langkah yang diambil di antara lainnya adalah seperti berikut:

- (i) Menubuhkan sebuah pasukan petugas berdasarkan prinsip tripartisma di setiap negeri untuk menempatkan semula pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja ke dalam pekerjaan-pekerjaan baru yang sesuai di sektor awam dan swasta serta menyelaraskan program-program latihan dan latihan semula yang sesuai untuk pekerja-pekerja yang berkenaan.
- (ii) Menubuhkan sebuah Jawatankuasa penyalaras di peringkat Persekutuan untuk menyalaras semua aktiviti-aktiviti pasukan petugas di peringkat negeri serta agensi-agensi Kerajaan/Kementerian-kementerian lain dalam usaha

untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja, terutamanya untuk memberi latihan dan latihan semula dan juga mencari pekerjaan alternatif yang sesuai.

- (iii) Menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai kemelesetan ekonomi yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi yang melibatkan pemberhentian pekerja-pekerja dan berusaha mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru dalam berbagai sektor ekonomi sebagaimana yang dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Kementerian Buruh juga mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) Menentukan agar pemberhentian pekerja-pekerja adalah atas sebab-sebab yang munasabah dan sebagai langkah yang terakhir.
- (ii) Menentukan semua faedah-faedah rentikerja seperti ditetapkan di bawah Undang-undang Buruh atau perjanjian bersama di antara kesatuan pekerja-pekerja dan majikan-majikan mereka dibayar dengan sewajarnya.
- (iii) Menentukan gaji ganti notis, jika wajar dan gaji ganti cuti tahunan dibayar oleh majikan kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan.
- (iv) Membantu menempatkan semula pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja dalam pekerjaan-pekerjaan baru secepat yang boleh.

Dalam usaha membantu mendapatkan kerja semula, Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya telah berjaya menempatkan seramai kira-kira 19,550 orang ke dalam pekerjaan-pekerjaan baru. Walau bagaimanapun, penempatan semula ini hanya bertumpu kepada mereka yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat. Mengikut angka yang diperolehi setakat Januari, 1986 hanya sejumlah 84,121 orang sahaja yang telah berdaftar sebagai pencari kerja. Angka ini termasuk mereka yang terdiri daripada pencari-pencari kerja yang baru memasuki pasaran buruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah merupakan bantuan kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan dalam semua sektor, termasuk sektor perlombongan dan juga pembalakan.

Mengenai bilangan buruh asing dan pendatang haram yang diberhentikan kerja dan mereka yang dihantar pulang, Kementerian saya tidak dapat menentukan angka tersebut pada masa ini kerana ianya di bawah bidang tugas Jabatan Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan memang mengadakan dasar untuk memberi keutamaan kepada rakyat Malaysia sendiri menikmati peluang-peluang pekerjaan yang ada di negara ini.

Menyentuh tentang pemberhentian kakitangan di perkhidmatan awam, Kerajaan tidak pernah memberhentikan pekerja-pekerja di sektor tersebut atas alasan kemelesetan ekonomi. Walau bagaimanapun, ada juga terdapat setengah-setengah kakitangan Kerajaan diberhentikan kerja tetapi ianya adalah disebabkan oleh tindakan tatatertib yang melibatkan pelanggaran peraturan di bawah Perintah Am dan undang-undang yang lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sedarkah pihak Kerajaan bahawa di dalam sektor sebagaimana yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu pembuangan dan pemberhentian pekerja-pekerja di sektor pembuatan dan perlombongan. Sedarkah pihak Kerajaan bahawa ada lombong yang terkaya di dalam dunia yang wujudnya di Malaysia ini kegemarannya untuk memberhentikan pekerja kerana di dalam perjanjian bersama di antara majikan dan pekerja serta Union boleh memberhentikan pekerja dengan syarat membayar gaji, pampasan dan sebagainya. Maka pihak majikan ini tidak mengadunkan pekerja-pekerja itu supaya pekerja-pekerja itu tahan sampai 10 tahun atau lebih daripada 15 tahun.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kegemaran pihak majikan itu membuang pekerja-pekerjanya di peringkat pekerja itu belum sampai dua tahun, tiga tahun kerana ini dia boleh rekrut pekerja-pekerja yang baru, buang lagi kerana perbelanjaannya adalah sedikit untuk membuang pekerja-pekerja. Bolehkah kita terima alasan kerana kemelesetan? Kadang-kadang bila kita tengok dalam *Warta Kerajaan* syarikat ini adalah yang paling kaya dan boleh mengeluarkan derma satu tahun berjuta ringgit sedangkan membayar gaji pekerja tidak sampai setengah juta. Kita ingin kemukakan adakah Kerajaan akan menyiasat kejadian-kejadian seperti ini supaya jangan alasan kemelesetan ekonomi itu dijadikan dalih untuk memberhentikan pekerja-pekerja sedangkan Kerajaan ingin pekerja-pekerja itu dibela untuk kepentingan parti pemerintahan dan pengundi?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak perlu disiasat kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri

Perusahaan Utama baru sekejap tadi menegaskan bahawa tidak ada majikan-majikan lombong yang sengaja menganiaya pekerja-pekerja mereka. Walau bagaimanapun, sukalah saya menegaskan bahawa mengikut undang-undang yang berkuatkuasa di negara kita pada masa ini memberi perlindungan kepada setiap pekerja. Mana-mana pekerja jika mereka merasai mereka diberhentikan dengan cara teraniaya dengan tidak mempunyai alasan-alasan yang munasabah mereka boleh mengikut undang-undang menuntut supaya diambil bekerja semula dan tuntutan bolehlah dibuat bagi pekerja-pekerja yang tidak berkesatuan sekerja melalui seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan di dalam tempoh 30 hari daripada tarikh ianya diberhentikan kerja. Kementerian Buruh melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan akan mengadakan penyiasatan rapi dan cuba merundingkan penyelesaian dan jika ianya tidak dapat diselesaikan dan aduan itu mempunyai asas, dengan kuasa Menteri Buruh boleh merujuk kes tersebut ke Mahkamah Perusahaan di mana Mahkamah Perusahaan boleh memutuskan sama ada pemberhentian yang dilakukan oleh majikan terhadap seorang pekerja itu dilakukan secara adil atau tidak.

Bagi pekerja-pekerja yang menjadi ahli kepada mana-mana kesatuan sekerja di bawah Akta Perhubungan Perusahaan juga kesatuan sekerja boleh menuntut supaya ahli-ahli kesatuan yang diberhentikan kerja itu diambil bekerja semula oleh majikan yang berkenaan.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya tadi mengatakan bahawa rata-rata dalam sektor ekonomi mengalami pembuangan pekerja-pekerja ataupun pemberhentian pekerja-pekerja. Adakah

Kementerian Buruh telah mengenal pasti mana-mana sektor dalam bidang ekonomi yang dapat menampung atau yang boleh menerima pekerja-pekerja yang dibuang daripada sektor lain? Adakah Kementerian dapat mengenal pasti sektor mana yang dapat menerima pekerja-pekerja yang menganggur sekarang?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh telah pun mengenal pasti beberapa sektor pekerjaan yang bersedia memberi peluang-peluang kerja kepada pekerja-pekerja sama ada mereka yang diberhentikan kerja ataupun pencari-pencari kerja baru. Sektor-sektor tersebut terutama sekali ialah sektor perladangan, ladang-ladang kelapa sawit dan getah, dan dipercayai sekiranya pekerja-pekerja kita berminat memasuki sektor tersebut dan sekiranya usaha-usaha supaya pekerja-pekerja asing dapat dikeluarkan daripada sektor tersebut maka sektor tersebut akan menampung tidak kurang daripada 50,000 peluang kerja kepada rakyat tempatan. Selain daripada itu terdapat juga peluang di sektor pembinaan, dan selain daripada itu juga dengan usaha Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kelima, begitu juga di bawah usaha-usaha khusus seperti pembinaan rumah-rumah kos rendah, pembinaan jalanraya-jalanraya dan projek-projek dengan segera di dalam masa tiga tahun peringkat permulaan Rancangan Malaysia Kelima ianya juga akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan sama ada secara langsung atau tidak langsung kerana Kerajaan yakin dengan rancaknya semula pertumbuhan ekonomi dan kegiatan industri maka sudah tentu ianya akan memberi peluang-peluang pekerjaan baru kepada pencari-pencari pekerjaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hasanah binti Mohd. Kassim.

Datuk Ishak bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 10.

SIARAN TV RANCANGAN EHWAL SEMASA

10. Datuk Ishak bin Abdul Rahman (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) mengapakah siaran TV saluran 1 dalam siri Hal Ehwat Semasa (tiap-tiap malam Rabu) diberi peluang kepada orang-orang akhbar (wartawan) di sekitar Ibu Negara sahaja untuk bertemuramah dengan tetamu jemputan yang diundang khas oleh RTM untuk rancangan tersebut; dan
- (b) mengapa tidak diberi peluang secara bergilir kepada pengusaha-pengusaha, ahli-ahli Badan sukarela, ahli-ahli agama, Pensyarah-pensyarah dari pusat pengajian tinggi.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, dari segi komunikasi, khususnya mengenai penerangan dan penjelasan satu-satu perkara (topic) seperti yang lazimnya dibincang dalam rancangan Ehwat Semasa memanglah ahli panelnya biasanya terdiri daripada para wartawan. Walau bagaimanapun, pihak RTM telah juga menggunakan orang-orang profesional seperti doktor dan peguam dan juga orang awam bukan sahaja sebagai penemuramah tetapi sebagai perantara atau pengerusi dalam rancangan-rancangan seperti Scope dalam bahasa Inggeris dan Focus. Cara ini akan juga digunakan dalam rancangan Ehwat Semasa apabila keadaan memerlukan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lee Swee Mok.

Tuan Tan Chang Soong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 11.

GURU SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA—KEKURANGAN

11. Tuan Tan Chang Soong (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah langkah akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kekurangan guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi kekurangan guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina adalah seperti yang berikut:

- (1) Menambah bilangan calon guru-guru pelatih di Maktab-maktab Perguruan untuk kursus Pengajian Cina.
- (2) Meneruskan Kursus Dalam Cuti bagi guru-guru sandaran tanpa latihan yang layak dan berpengalaman.
- (3) Mengkaji kemungkinan untuk mengambil semula guru-guru yang terlatih yang telah bersara tetapi masih sihat dan berminat untuk mengajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- (4) Mengisi kekosongan yang ada di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dengan guru-guru sandaran tanpa latihan.

GAJI KAKITANGAN KERAJAAN

12. Tuan M. G. Pandithan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kakitangan Kerajaan dibayar terlalu rendah dan kebanyakan mereka terutama golongan berpendapatan rendah sedang menghadapi kesulitan tanpa diduga dalam hidup mereka.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kakitangan Kerajaan dibayar gaji yang terlalu rendah sehingga mereka menghadapi kesulitan tanpa diduga. Satu kajian pendapatan corak perbelanjaan dan taraf sosio-ekonomi pekerja-pekerja sektor awam yang dijalankan oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi telah menunjukkan bahawa taraf sosio-ekonomi pekerja-pekerja sektor awam adalah memuaskan. Di samping itu kedudukan perkhidmatan (security of tenure) pekerja-pekerja sektor awam adalah lebih terjamin berbanding dengan pekerja-pekerja di sektor swasta. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa pekerja-pekerja Kumpulan C dan D ada mengalami sedikit kesusahan. Oleh sebab itulah maka Kerajaan baru-baru ini telah membuat keputusan memberi kenaikan gaji kepada Kumpulan C dan D setakat yang termampu oleh Kerajaan.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apakah pembayaran gaji oleh Kerajaan kepada kakitangan Kerajaan di negara kita ini lebih rendah daripada pembayaran yang dilakukan oleh Kerajaan di negara-negara lain seperti di Indonesia, di Filipina, Vietnam, Kampuchea, Thailand, Bangladesh atau di India?

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kajian yang terperinci belum dibuat tetapi secara umumnya berdasarkan kepada laporan-laporan yang diterima dalam perbincangan persidangan antarabangsa menunjukkan bahawa pembayaran gaji yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia adalah termasuk dalam kategori pembayaran yang sangat memuaskan dan kerana itulah kita dapat melihat nikmat sedang dirasakan oleh rakyat Malaysia pada masa ini.

HUTANG NEGARA

13. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang negara pada tahun 1984 dan tahun 1985 dan nyatakan juga jumlah bayaran perkhidmatan untuk pinjaman tersebut (the amount to service the debts).

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, kedudukan jumlah baki hutang Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1984 dan 1985, yang terdiri daripada hutang dalam serta luar negeri adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Baki Hutang</i>
1984	\$57,825 juta
1985	\$62,488 juta

Jumlah bayaran perkhidmatan untuk pinjaman-pinjaman tersebut yang meliputi bayaran balik pokok, bayaran faedah dan perbelanjaan mendapatkan pinjaman adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bayaran Perkhidmatan</i>
1984	\$ 6,452 juta
1985	\$12,747 juta

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertambahan yang ketara dalam bayaran khidmat hutang pada tahun 1985 adalah disebabkan oleh pembayaran balik awal terhadap 5 pinjaman pasaran yang berjumlah \$5,482 juta.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya Kerajaan kita kena bayar berjuta-juta ringgit kepada orang lain. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu satu masa akan datang kita bayar habis hutang kita dan kita boleh bayar kepada orang lain. Bolehkah berikan satu masa akan datang?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, satu Kerajaan serupa macam satu keluarga, tiap-tiap bulan pun kena bayar; kalau ada hutang kena bayar balik. Bilakah boleh bayar balik semua, insya Allah, saya boleh beritahu.

Puan Ainon binti Ariffin: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ainon hendak bertanya?

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya. Setelah demikian dipaparkan hutang-hutang negara pada luar negeri, adakah Kerajaan bercadang hendak menambah hutang-hutang itu lagi bagi 5 tahun atau 10 tahun akan datang?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, dalam 10 tahun ini kalau harga komoditi negara kita macam bijih timah, getah, kelapa sawit, petroleum naik, saya berharap hutang-hutang ini boleh selesai semua, iaitu ikut kenaikan harga dunia komoditi negara kita.

PADI DI KOMPLEKS LPN— PENYELARASAN

14. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa teknologi pertanian lebih pesat berkembang daripada teknologi LPN, oleh yang demikian apakah langkah-langkah positif yang akan diambil oleh Kementerian ini bagi menyelaraskan penerimaan padi di kompleks-kompleks LPN yang ada di negara ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, LPN adalah sentiasa membaiki kaedah-kaedah operasinya melalui pembaikan sistem, penambahan alat kelengkapan mahupun melalui latihan kepada kakitangannya.

Mengenai masalah kesesakan di kompleks-kompleks pada musim puncak penuaian, LPN sedang mengambil beberapa langkah tertentu untuk mengatasi masalah tersebut. Antara langkah yang diambil oleh LPN ialah dengan memperkenalkan kaedah pengendalian secara pukal. Untuk tujuan tersebut, LPN sedang mengadakan beberapa pengubahsuaian tertentu di peringkat kompleks, termasuk mengadakan, dengan izin, "bulk receiver system" dan "grain suction pump". Di samping itu, LPN juga mendirikan peneduh-peneduh sementara di kompleks-kompleksnya untuk menampung lebihan padi yang dibeli pada musim puncak penuaian sebagai langkah mempercepatkan proses penerimaan padi di kompleks-kompleksnya.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah pertanyaan saya, iaitu dalam soalan saya menyatakan bahawa teknologi pertanian berkembang lebih pesat daripada teknologi LPN. Maksud saya, masa kompleks LPN wujud, masa itu petani-petani mengambil padi dengan menggunakan tangan, tenaga manusia—mengerat dan memukul padi. Tetapi pada masa sekarang petani-petani menggunakan mesin, tetapi LPN masih macam itu juga, menggunakan mesin dengan sekali gus padi dapat diambil dalam 100 ekar ataupun 100 relong dalam masa satu atau dua hari. Jadi, sebab itulah padi selalu dibawa dengan sekali gus ke kompleks LPN. Tetapi walau bagaimanapun, saya rasa LPN telah mengatasi masalah-masalah, terutama sekali mengadakan gudang-gudang, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan, tetapi masih lagi kita lihat berlambak-lambak, bertimbun-timbun padi. Saya rasa adakah pihak LPN bercadang untuk mendirikan lagi kompleks LPN di negeri Perlis ataupun negeri Kedah?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya LPN

telahpun membuat percubaan mengenai "bulk system", secara pukal ini dan juga secara pemodenan ini telah dibuat pada tahun lalu, tahun 1984. Kita telah mengadakan "bulk handling" secara percubaan di kompleks Sekinchan dan Ulu Tiram di Selangor dan seterusnya kita telah juga melanjutkan percubaan kita di LPN Kangkong dan di kompleks LPN Bukit Besar di Kedah dan seterusnya kompleks Pasir Puteh di Kelantan pada tahun lalu. Jadi LPN tidak berdiam diri.

Mengenai kompleks-kompleks yang kita akan tambah di masa akan datang akan dikaji, termasuk juga di negeri Perlis, sekiranya perlu.

POLARISASI KAUM DI KALANGAN PENUNTUT-PENUNTUT

15. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada langkah-langkah tegas telah diambil untuk mengurangkan polarisasi kaum di antara kalangan murid-murid atau penuntut-penuntut di sekolah-sekolah dan universiti-universiti; jika ada, sebutkan langkah-langkah itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Ng Cheng Kiat): Tuan Yang di-Pertua, polarisasi kaum adalah satu fenomena yang wujud di mana-mana, terutama dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Di negara kita polarisasi bolehlah dibahagikan kepada dua kategori, iaitu "intra-polarisation", dengan izin, yang berlaku di dalam sesuatu kaum itu sendiri dan "inter-polarisation", dengan izin, yang berlaku di antara kaum yang berlainan. Tidaklah menghairankan jika terdapat polarisasi kaum di kalangan penuntut-penuntut di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang memberi perhatian kepada perkara ini dan sentiasa berusaha untuk mengurangkannya.

Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan merupakan satu langkah yang positif oleh Kerajaan untuk mencapai tujuan ini. Dengan mengadakan sistem persekolahan yang sama, satu bahasa yang dipelajari oleh semua, iaitu Bahasa Kebangsaan, dan dengan mengadakan kurikulum dan peperiksaan yang kandungannya sama bagi semua pelajar, Dasar Pelajaran kita membantu usaha memupuk persefahaman dan perpaduan di kalangan pelajar-pelajar.

Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran telah pun mengadakan beberapa program melalui pengajaran dan pembelajaran dalam matapelajaran Kewarganegaraan, Pendidikan moral dan Tamadun Islam, yang memberi juga penekanan kepada nilai-nilai perpaduan. Di samping itu, aktiviti-aktiviti ko-kurikulum seperti kegiatan-kegiatan pasukan beruniform, sukan, permainan, kelab dan persatuan juga dijalankan dengan lebih giat lagi dan ini memberi peluang-peluang kepada penuntut-penuntut dari semua kaum untuk berinteraksi antara satu sama lain bagi memupuk perasaan saling mengerti serta persefahaman. Baru-baru ini Kementerian Pelajaran juga telah memperkenalkan Rancangan Integrasi Murid-murid untuk perpaduan di mana murid-murid dari berbagai kaum dapat bergaul, berinteraksi dan memupuk semangat persefahaman, kerjasama dan bersatu padu.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa soal mengatasi polarisasi kaum tidak semata-mata merupakan tanggungjawab sekolah atau institusi pengajian tinggi sahaja, tetapi merupakan juga tanggungjawab semua pihak di negara ini.

Tuan Mohd. Yusoff Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian sedar bahawa polarisasi kaum ini berpunca atau boleh jadi disebabkan oleh dasar Kementerian Pelajaran sendiri yang membenarkan

adanya berbagai jenis sekolah vernicular di tanahair kita hari ini. Sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini yang dibenarkan oleh Kementerian sendiri.

Tuan Ng Cheng Kiat: Dasar pelajaran di negara ini telah dipersetujui oleh semua kaum di negara ini. Perlu ditegaskan bahawa matlamat integrasi atau perpaduan akan mengambil masa yang panjang untuk dicapai di dalam sesebuah negara yang berbilang kaum. Apa yang perlu diadakan ialah untuk menentukan bahawa proses ke arah integrasi perlu sentiasa digalakkan dan ini Kementerian saya telah pun menjalankannya.

MAJLIS FATWA NEGERI—PENGUMUMAN

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 16.

16. Dato Kamaruzaman bin Ahmad (di bawah S. O. 23 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengapa fatwa-fatwa yang dibuat oleh sama ada Majlis Fatwa Negeri atau Kebangsaan akan mengambil masa yang lama selepas sesuatu isu berbangkit; dan
- (b) langkah-langkah susulan yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam memastikan sesuatu fatwa yang baru diumumkan tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan orang ramai.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, pengumuman sesuatu fatwa mengambil masa yang agak lama setelah sesuatu isu itu berbangkit

adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (a) perlunya diadakan kajian yang mendalam sebelum sesuatu fatwa diumumkan supaya fatwa yang diumumkan itu mudah difahami oleh orang ramai tentang maksud dan implikasinya dan tidak menimbulkan apa-apa kekeliruan;
- (b) fatwa tidak dibuat oleh orang perseorangan tetapi dibincangkan oleh Majlis atau Jawatankuasa Fatwa dan dipersembahkan kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan di tiap-tiap buah negeri-negeri atau Majlis Raja-raja bagi peringkat kebangsaan sebelum diumumkan kepada orang ramai.

Langkah-langkah susulan yang diambil setelah sesuatu fatwa diumumkan termasuklah usaha-usaha memberi penerangan melalui jentera dakwah dan media massa serta penyebaran-penyebaran risalah sebagai langkah memastikan tidak timbul kekeliruan orang ramai tentang sesuatu fatwa yang diumumkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Haji Shaharom Maasom.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa dan kenapa sesuatu fatwa yang telah dikeluarkan sah fatwa itu tetapi orang ramai hanya dapat mengikuti fatwa itu daripada surat-surat khabar. Mengapa tidak diwartakan, dicetak oleh Percetakan Negara supaya dihantar ke setiap tempat, kalau fatwa ini berhubung dengan agama dihantar ke setiap masjid, ke setiap pejabat-pejabat agama negeri, daerah-daerah supaya orang ramai dapat menatap suatu kertas fatwa yang sah, tidak melalui

hanya surat khabar. Mengapa keadaan seperti ini berlaku?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan-jabatan Agama di seluruh negeri di Malaysia ini memang dicetak dan dikeluarkan, disebarkan, mungkin Yang Berhormat barangkali tidak terjumpa dengan fatwa itu, tetapi memang menjadi dengan fatwa itu, tetapi memang menjadi amalan, setiap fatwa yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Negeri-negeri diedarkan sama ada di cetak khusus sebagai suatu fatwa atau dimasukkan dalam majallah yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama dan bagi fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Kebangsaan setelah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja Melayu, akan disalurkan kepada Majlis-majlis Agama di setiap negeri untuk diproses kerana Majlis Raja-raja Melayu hanya membincangkan untuk mengkoordinasikan masalah-masalah yang ditimbulkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah soalan iaitu apabila telah dikeluarkan fatwa ini, rakyat kebanyakannya telah maklum. Apakah tindakan tegas yang dibuat oleh Kerajaan kepada mereka yang sengaja terang-terang melanggar fatwa-fatwa itu.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, tindakan tegas akan diambil oleh Majlis-majlis Agama setelah fatwa itu dijadikan sebagai satu ruling, dengan izin, oleh Kerajaan-kerajaan Negeri menerusi pentadbiran hukum syarak. Kemudian setelah dijadikan sebagai satu peraturan atau sebagai satu undang-undang, maka perkara ini akan digazetkan dan dikeluarkan selepas itu barulah diikuti dengan tindakan undang-undang yang diambil. Saya

faham maksud soalan itu dan saya fikir perkara yang terjadi dalam negara kita pada masa ini hanya dimasa akhir-akhir ini sahaja terdapat golongan yang cuba menimbulkan perkara ini kerana ramai yang ingin menjadi Mufti.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengeluarkan sesuatu fatwa dikaji, diteliti dengan dihalusi dan sebagainya dan memakan waktu yang lama. Kita percaya, Tuan Yang di-Pertua, tetapi adakah sebagai contoh, fatwa mengenai keharusan ASN sejak daripada tahun 1981 hingga hari ini sudah 5 tahun, adakah ini terlalu singkat atau terlalu lama. Sedarkah bahawa sehingga sekarang belum ada keputusan yang muktamad, bilakah barangkali?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menimbulkan masalah fatwa ASN. Saya ingin menyatakan bahawa memanglah sulit hendak saya memberikan satu kuliah di sini tentang hikmat-hikmat atau bagaimana sesuatu fatwa boleh dikeluarkan, cuma memadai dengan menyebutkan iaitu mengikut ajaran Islam sendiri fatwa bukanlah perkara yang mesti dicari dan Islam tidak menggalakkan fatwa ini dibanyak-banyakkan, kerana inilah satu rahsia pentadbiran hukum syarak iaitu kalau sekiranya kita dapati ramai orang yang hanya pandai meminta fatwa maka akan menjadi lebih sulitlah perkembangan Islam ini dan ini telah disebutkan oleh beberapa fakta-fakta dalam Islam bahawa sekiranya seseorang yang diberi tugas sebagai Mufti, maka dia tidaklah boleh menjadi begitu seronok apabila diminta fatwa semata-mata kerana ingin memberi fatwa. Cara yang telah ditunjukkan oleh pimpinan-pimpinan yang terkemuka di dalam Islam ialah kajian yang teliti dan keengganan

fatwa itu kadang-kadang memberi suatu keuntungan kepada masyarakat Islam itu sendiri, khususnya mengenai dengan ASN ini maka inilah yang dikatakan ada suatu perkara yang baik dalam perkembangan ini kerana kalau kita terburu-buru walaupun kita rasakan perkara itu penting tetapi kalau sekiranya kita terburu-buru dengan tidak meneliti keadaan-keadaan dan tidak meneroka rimba atau perbendaharaan Islam secara menyeluruh dari zaman dahulu sehingga sekarang mungkin kita tersilap dan menyebabkan kesulitan bagi orang-orang Islam.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 46 adalah diberi di bawah ini)

TANDUK RUSA— DENDA MENYIMPAN

17. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) jumlah bilangan orang yang kena denda akibat dari mereka menyimpan tanduk rusa secara haram di rumah sebagai perhiasan;
- (b) jumlah hasil denda yang diterima dari bersabit kesalahan tersebut;
- (c) berapakah denda yang dikenakan kepada sesiapa yang didapati menyimpan tanduk rusa di rumah dari kesalahan pertama dan selanjutnya;
- (d) dalam tiap-tiap musim setahun itu pada bulan berapakah ada dikeluarkan kebiasaannya Permit dibenarkan memburu rusa pada orang awam; dan

(e) keluaran Permit itu adakah dibuat serentak musim seluruh negeri Semenanjung atau berlainan musimnya dan berapakah bayaran Permit memburu serta lesen menyimpan tanduk rusa di rumah jika ada.

Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):

- (a) Bilangan orang yang dikenakan denda akibat dari mengambil atau memiliki rusa dan Tanduk Rusa sepanjang lima tahun yang lalu adalah berjumlah 304 orang.
- (b) Jumlah hasil denda yang diterima dari kesalahan tersebut adalah \$39,334.
- (c) Denda yang dikenakan kepada sesiapa yang menyimpan tanduk rusa di rumah adalah seperti berikut:
 - (i) Penalti maksima yang boleh dikenakan adalah \$300 atau penjara tidak lebih daripada satu bulan atau kedua-duanya sekali.
 - (ii) Kebiasaannya denda kompaun minima bagi kesalahan pertama adalah \$50.
 - (iii) Bagi kesalahan berikutnya akan bertambah mengikut budibicara Jabatan.
- (d) Di dalam setahun, musim buka bagi memburu rusa adalah di antara 1hb Oktober hingga 30hb November.
- (e) Pengeluaran lesen memburu dibuat serentak semasa musim buka di seluruh Semenanjung. Lesen memburu bagi rusa adalah \$50 dan cuma seekor rusa yang boleh diburu. Lesen menyimpan tanduk rusa adalah \$10 setahun.

**AMANAH SAHAM NASIONAL—
PENCARUM KWSP
BUMIPUTERA**

18. Tuan Harun bin Hasan minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membolehkan pencarum KWSP Bumiputera mengeluarkan wang carumannya untuk dilaburkan dalam Amanah Saham Nasional, kalau tidak mengapa.

Dato' Oo Gin Sun: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan pencarum-pencarum Bumiputera mengeluarkan kredit mereka untuk tujuan melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional oleh kerana kemudahan yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan yang lain adalah mencukupi.

**RUMAH AWAM KOS RENDAH—
CARUMAN KWSP**

19. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan supaya Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dipinda supaya pencaruman dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dapat digunakan untuk memperolehi rumah-rumah awam kos rendah bagi golongan-golongan berpendapatan rendah.

Dato' Oo Gin Sun: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan yang dicadangkan itu telah pun dilaksanakan oleh KWSP sejak tahun 1977. Menurut peraturan yang ada sekarang, seseorang pencarum dibenar mengeluarkan wang sejumlah tidak melebihi 40% dari harga rumah atau semua jumlah kreditnya, mengikut yang mana lebih kurang, untuk tujuan membeli rumah kos murah. Oleh kerana rumah kos murah ditafsirkan sebagai yang berharga tidak melebihi \$25,000, maka jumlah maksima yang boleh dikeluarkan ialah \$10,000.

**LOMBONG—PEMBERHENTIAN
PEKERJA**

20. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai pekerja-pekerja lombong yang telah dibuang kerja akibat kemerosotan harga bijih timah. Jika sedar, nyatakan tindakan atau bantuan untuk membantu pekerja-pekerja tersebut.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Saya memang sedar mengenai pemberhentian kerja secara beramai-ramai di kalangan pekerja-pekerja lombong akibat kemerosotan harga bijih timah. Bagi mengatasi masalah-masalah yang berbangkit daripada pemberhentian kerja ini Kementerian saya dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan juga melalui Jawatankuasa Penyelaras Mengenai Pemberhentian Pekerja sedang giat merangka beberapa strategi jangka pendek dan jangka panjang untuk mencari pekerjaan-pekerjaan alternatif ataupun mewujudkan peluang bagi perniagaan kecil dan sebagainya kepada mereka-mereka yang berkenaan.

Latihan-latihan yang wajar setelah ditentukan kelak oleh Pasukan Petugas mengenai pemberhentian kerja di peringkat Negeri, akan diberi kepada para pekerja yang telah diberhentikan itu untuk membolehkan mereka menyertai dan menyesuaikan diri masing-masing untuk mengambil alih pekerjaan-pekerjaan yang baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara bantuan-bantuan lain yang dapat diberi kepada pekerja-pekerja lombong bijih timah yang telah dibuang kerja adalah seperti berikut:

—Menentukan semua faedah-faedah rentikerja seperti ditetapkan di bawah Undang-undang Buruh atau perjanjian bersama di antara kesatuan pekerja-pekerja dan majikan mereka dibayar sewajarnya.

- Menentukan gaji ganti notis jika wajar dan gaji ganti cuti tahunan dibayar.
- Berusaha mendapatkan pekerjaan-pekerjaan alternatif berdasarkan kemahiran, kelayakan, pengalaman dan minat mereka.
- Membina 80,000 unit rumah kos rendah setahun bagi tempoh 3 tahun untuk mengujudkan lebih peluang-peluang pekerjaan di sektor pembinaan.
- Mengubah syarat tanah-tanah lombong bagi tujuan pertanian, pembinaan jalan-jalan dan kerja-kerja kecil yang menggunakan tenaga buruh secara intensif.
- Menswastakan kegiatan-kegiatan terpilih serta latihan dan latihan semula penganggur-penganggur dalam bidang-bidang yang mempunyai peluang bekerja di pasaran.

HARGA GETAH

21. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berikutan harga getah yang merosot, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi keadaan ini.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia berikutan kemerosotan harga getah ialah melalui kerjasama dengan negara-negara pengeluar dan juga negara-negara pengguna menerusi penglibatan dalam Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) yang telah wujud sejak akhir tahun 1980. Langkah-langkah INRA ini telah dapat membantu menahan harga getah dari terus merosot ke paras yang lebih teruk lagi.

Di peringkat dalam negeri pula, selain dari pembelian oleh MARDEC dan RISDA yang sentiasa berada di pasaran bagi menentukan harga yang ditawarkan kepada pekebun kecil

adalah adil dan kompetitif, kita perlu juga terus mempergiatkan usaha-usaha untuk mengurangkan kos pengeluaran serta bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti yang bertujuan untuk menjadikan perusahaan getah Malaysia lebih berdaya maju dan dapat bersaing di pasaran antarabangsa. Dengan kecekapan dan produktiviti yang tinggi, kesan buruk kejatuhan harga boleh dikurangkan.

Dalam konteks pemasaran pula, usaha-usaha akan terus dilakukan bagi mengukuhkan lagi eksport getah Malaysia ke pasaran yang sedia ada di samping mencari pasaran baru. Missi galakan bagi meningkatkan eksport akan terus dihantar ke beberapa buah negara bagi mempertingkatkan eksport getah asli Malaysia.

Di samping itu, Malaysia juga sedang berusaha bagi mewujudkan kerjasama dan persefahaman dengan negara-negara pengeluar supaya harga getah berada di paras yang menguntungkan.

YEN—HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

22. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang asing dalam Yen Jepun dan kesan-kesannya ke atas pembayaran balik hutang asing memandangkan terdapatnya kenaikan dalam nilai Yen Jepun berbanding dengan Ringgit Malaysia.

Dato' Oo Gin Sun: Jumlah bagi hutang Kerajaan Persekutuan dalam matawang Yen seperti pada 31-12-1985 ialah sebanyak M\$4,031 juta, iaitu bersamaan dengan 18.5 peratus dari jumlah keseluruhan baki hutang luar negeri. Bagi tempoh 1hb Julai 1985, hingga 31hb Mac, 1986 nilai Yen telah meningkat sebanyak 45.6 peratus berbanding dengan nilai Ringgit. Akibat daripada kenaikan nilai Yen ini, kos perkhidmatan hutang iaitu

bayaran balik pokok dan bayaran faedah, atas pinjaman-pinjaman dalam matawang Yen bagi tahun-tahun 1986 dan 1987 adalah dianggarkan masing-masing sebanyak \$339 juta dan \$354 juta.

ZOO NEGARA—LOKASI

23. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lokasi Zoo Negara sekarang ini adalah tidak sesuai lagi memandangkan terlampau dekat dengan kawasan-kawasan Perumahan. Jika sedar, sama ada beliau ada cadangan untuk memindahkan Zoo Negara ini ke satu tempat yang lebih sesuai dan sunyi untuk binatang-binatang tersebut.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Kementerian saya sedar bahawa kawasan-kawasan perumahan sekarang terlalu dekat dengan lokasi Zoo Negara. Zoo Negara yang diselenggarakan oleh sebuah badan bukan Kerajaan iaitu The Malaysian Zoological Society telah dibina pada tahun 1963. Pada ketika itu, Zoo Negara berada di kawasan hutan simpanan serta kebun sayur-sayuran.

Projek perumahan hanya dibina di sekeliling kawasan Zoo Negara setelah Zoo Negara berada di situ. Adalah tidak benar sama sekali bahawa Zoo Negara dibina berdekatan dengan kawasan perumahan. Sebaliknya, kawasan-kawasan perumahan yang berdekatan Zoo Negara. Kementerian saya atau pihak pengurusan Zoo Negara tidak ada cadangan untuk memindah Zoo Negara ke suatu tempat yang lain oleh kerana ini akan menelankan perbelanjaan yang amat tinggi. Tambahan lagi, jika Zoo Negara diletakkan ke tempat yang jauh daripada bandar, mungkin bilangan pelawat ke Zoo yang baru akan berkurangan. Pada masa ini, lokasi

Zoo Negara adalah difahamkan sangat memuaskan dari segi kemudahan kepada pelancong-pelancong tempatan dan luar negeri.

NELAYAN/PETANI— KEMISKINAN

24. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Pertanian menyatakan apakah program-program pihak Kementerian untuk memperbaiki keadaan kemiskinan di kalangan nelayan dan petani di negara ini berkaitan dengan dakwaan bahawa nelayan dan petani tidak menikmati rancangan menghapus kemiskinan.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Kementerian Pertanian sentiasa berusaha untuk memperbaiki keadaan kemiskinan di kalangan nelayan dan petani di negara ini.

Untuk meningkatkan daya pengeluaran dan seterusnya pendapatan petani dan nelayan, strategi-strategi utama yang diberi penekanan meliputi pembangunan insitu dan perikanan. Pembangunan insitu akan dipesatkan lagi kerana ia telah berjaya meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan petani-petani. Di sektor tanaman, langkah-langkah untuk menambahkan pendapatan serta mutu dan daya pengeluaran dari ladang akan dilaksanakan dengan penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan penggunaan teknologi moden. Tumpuan akan diberikan kepada kegiatan pertanian secara komersial atau perdagangan.

Bagi sektor nelayan pula, pembangunan ternakair serta industri perikanan laut akan diberi keutamaan di mana penglibatan pihak swasta digalakan. Program-program penempatan semula nelayan akan diperluaskan lagi di mana nelayan-nelayan lebih dari perairan pantai

akan digalakkan berpindah ke sektor-sektor lain seperti pertanian, perdagangan dan perniagaan yang lebih pesat berkembang.

Bagi menjamin usaha-usaha meningkatkan hasil pertanian di sektor ini, pengurusan pertubuhan peladang dan penyertaan sektor swasta serta program-program khidmat sokongan yang meliputi bidang penyelidikan, kredit, pengembangan, pemasaran dan galakan fizikal sedang dan akan diperkukuhkan dan dipergiatkan lagi sejajar dengan matlamat Dasar Pertanian Negara (DPN).

JAMBATAN PULAU PINANG— MENGAMBIL GAMBAR

25. Tuan A. Shaik Dawood minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada para pelancong dibenarkan turun dari kenderaan mereka untuk mengambil gambar di Jambatan Pulau Pinang memandangkan Jambatan itu telah menarik ramai pelancong ke Malaysia.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebenaran tidak akan diberi kepada pemandu-pemandu turun dari kenderaan mereka untuk mengambil gambar di Jambatan Pulau Pinang. Perbuatan itu jika dibenarkan, bukan sahaja akan mengganggu lalulintas di Jambatan itu, tetapi juga akan membahayakan pemandu-pemandu lain. Oleh itu sukalah saya menasihatkan bahawa jika pemandu-pemandu ingin mengambil gambar di Jambatan Pulau Pinang, termasuk pelancong-pelancong luar negeri, mereka bolehlah berbuat demikian semasa kenderaan itu sedang bergerak.

AL-QURAN—KELEMAHAN MURID ISLAM

26. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian sedar kelemahan

murid-murid Islam dalam bidang bacaan Al-Quran amat ketara dan mencabar, jika sedar nyatakan program-program yang akan dilaksanakan bagi mengatasi kejahilan membaca Al-Quran itu bagi jenerasi Islam akan datang.

Tuan Ng Cheng Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran memang sedar tentang kelemahan setengah-setengah murid Islam dalam bacaan Al-Quran, tetapi kelemahan ini tidaklah membimbangkan. Walau bagaimanapun usaha-usaha telah dijalankan untuk mengatasi masalah tersebut dengan memperuntukkan 2/3 daripada masa belajar Pengetahuan Agama Islam dalam KBSR kepada pelajaran membaca Al-Quran, ditambah pula dengan 30 minit seminggu pelajaran tulisan jawi yang dapat membantu kemahiran membaca Al-Quran. Selain dari itu guru-guru yang mengajar pelajaran membaca Al-Quran diberi kursus lanjutan untuk memahirkan mereka mengajar Tajwid dan Tartil.

IMIGRAN HARAM INDONESIA—KEMASUKAN

27. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa berlakunya kes-kes jenayah berpunca dari imigrasi haram orang Indonesia. Jika sedar, apakah tindakan dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Kemasukan Imigran-imigran haram dari Indonesia ini adalah merupakan satu daripada punca berlakunya kes-kes jenayah di negara ini. Sungguhpun begitu mengikut satu kajian yang telah dibuat untuk tempoh 3 tahun kebelakangan ini, didapati hanya sejumlah 3,355 kejadian daripada sejumlah 240,923 kejadian di seluruh

negara adalah dilakukan atau dipercayai dilakukan oleh Imigran haram Indonesia itu.

Walaupun angka jenayah yang melibatkan Imigran haram Indonesia itu kecil dan tidak membimbangkan, namun usaha untuk membentarnya akan terus dilakukan. Tindakan-tindakan yang diambil ialah menyerbu tempat di mana mereka dipercayai berada, mengadakan kerjasama antara 2 Polis dengan Jabatan Imigresen untuk memberkas dan menghantar mereka pulang, mengawal tempat-tempat pendaratan dan semua pintu masuk, meningkatkan kawalan rondaan perairan oleh Polis Marin, bekerjasama dengan Polis Indonesia (POLRI) dan akhirnya mengadakan penyelidikan dan perancangan khusus di peringkat Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman untuk membentarkan kegiatan jenayah oleh Imigran haram yang bertujuan untuk membendong kegiatan mereka.

PERISTIWA MEMALI

28. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang diambil bagi memastikan peristiwa Memali tidak berulang lagi di negara kita ini;
- (b) apakah tindakan yang akan diambil kepada mereka yang menyebarkan fatwa dan amanat bagi tujuan memecah belahkan perpaduan orang-orang Islam di negara ini; dan
- (c) apakah usaha Kerajaan untuk menyatupadukan semula umat Islam di negara ini.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Kerajaan telah pun membuat pendedahan tentang punca-punca sebenar yang mencetuskan Peristiwa Memali melalui Kertas Putih Peristiwa

Memali bertarikh 25hb Februari, 1986. Kerajaan seterusnya memberi penerangan melalui agensi-agensi tertentu serta media massa untuk menyedarkan rakyat tentang bahaya dan ancaman yang ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu yang menggunakan isu-isu berbau agama untuk kepentingan mereka sehingga boleh mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri telah memperuntukkan kuasa kepada Mufti Negeri-negeri bagi mengeluarkan fatwa dan pihak berkuasa berkenaan juga diberi kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang mengeluarkan fatwa dengan sesuka hati mengikut pengertian sendiri. Dalam kes-kes di mana perpaduan masyarakat Islam turut tergugat tindakan-tindakan telah juga diambil di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan dan di bawah Enakmen Kediaman Terhad Bab 39. Sekiranya kegiatan-kegiatan itu boleh mengancam keselamatan negara pula, sebagai langkah pencegahan Kerajaan terpaksa menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Semua pihak adalah bertanggungjawab dan perlu berkerjasama untuk menyatupadukan semula umat Islam di negara ini. Bagi pihak Kerajaan, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Yayasan Dakwah Islam Malaysia dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri telah dan sedang menganjurkan pelbagai muzakarah, nadwah, kursus dakwah serta ceramah-ceramah ugama di berbagai peringkat yang bertujuan antara lainnya memberi penerangan dan pengajaran kepada masyarakat Islam tentang ajaran-ajaran yang dituntut oleh Islam supaya mereka sedar dan waspada terhadap gejala-gejala yang boleh memecahbelahkan perpaduan masyarakat Islam di negara ini.

SEKOLAH—PEMBINAAN PASANG SIAP

29. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Pelajaran menyatakan sehingga Disember 1985 berapa buahkah sekolah di seluruh negara yang berjaya dibina secara pasang siap:

- (a) adakah benar cara ini menguntungkan kerana mengurangkan belanja kewangan dan cepat masa pembinaannya;
- (b) adakah cara ini akan dilaksanakan seterusnya dalam RML; dan
- (c) berapa ribu bilik darjah perlu diadakan untuk memenuhi keperluan negara dalam RML di seluruh negara.

Tuan Ng Cheng Kiat: Kementerian Pelajaran hanya melancarkan package projek di bawah sistem pasang siap dalam Rancangan Malaysia Keempat. Sebanyak 32 buah sekolah telah siap dilaksanakan di negeri Kedah secara pasang siap tetapi 43 buah sekolah yang dilaksanakan di negeri Johor telah tergendala pembinaannya kerana masalah kontraktor.

- (a) Sama ada cara pasang siap menguntungkan atau tidak bergantung kepada kaedah pelaksanaannya. Bagi projek yang telah dilancarkan kosnya adalah tinggi sedikit dari anggaran kos pembinaan secara konvensional. Walau bagaimanapun projek tersebut telah dilaksanakan kerana pembinaannya dapat disiapkan dalam jangka masa yang lebih pendek.
- (b) Kementerian Pelajaran belum ada cadangan untuk melaksanakan cara tersebut dalam Rancangan Malaysia kelima ini.

- (c) Kekurangan bilik darjah dalam Rancangan Malaysia Kelima dianggarkan sebanyak 49,848 buah, iaitu 26,278 buah bagi Sekolah Rendah dan 23,570 buah bagi Sekolah Menengah. Walau bagaimanapun dengan peruntukan RML yang terhad Kementerian Pelajaran hanya dapat meluluskan sejumlah 12,111 bilik darjah sahaja, iaitu 8,997 buah untuk Sekolah Rendah dan 3,114 buah untuk Sekolah Menengah.

RUMAH AWAM KOS RENDAH—REKABENTUK

30. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan ekoran dari tujuan Kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menyusun semula rekabentuk-rekabentuk rumah awam kos rendah untuk memberi ruang-ruang yang sesuai kepada golongan-golongan yang terlibat yang mempunyai keluarga yang besar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Chan Siang Sun): Kementerian saya telah pun menghasilkan beberapa rekabentuk baru untuk rancangan-rancangan rumah awam kos rendah yang akan datang. Rekabentuk baru ini dihasilkan setelah mengkaji dan meneliti masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan bangunan yang dihadapi oleh penghuni-penghuni yang mendiami rumah awam kos rendah.

Rekabentuk baru ini menitikberatkan kehendak dan keutamaan penghuni di samping mengambilkira bahawa jenis rumah itu boleh siap cepat, senang dibina, mudah dibuat penambahan, mempunyai pengudaraan, pencahayaan dan ruang yang cukup

dan memastikan bahawa rumah tersebut boleh dibina dengan harga yang rendah dan mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah.

Keistimewaan rekabentuk baru tersebut ialah ia mempunyai 3 bilik tidur, ruang tamu, makan, dapur, tandas dan bilik air yang berasingan berserta pertimbangan pemisahan yang sesuai antara ruang-ruang tersebut. Peruntukan kawasan dan rekabentuk untuk ruang tambahan juga diadakan di mana penghuni boleh membuat penambahan ke hadapan dan ke atas menjadi dua tingkat sekiranya size keluarga, keperluan dan kemampuan keluarga bertambah.

PEKERJAAN KEPADA CALON BERDAFTAR

31. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) sehingga akhir bulan Januari 1986 berapakah jumlah calon-calon yang mendaftar bagi mendapatkan pekerjaan dan adakah pendaftaran itu mesti dibaharui pada setiap tahun;
- (b) apakah dijadikan syarat bagi setiap calon yang akan dipanggil temuduga bagi satu-satu jawatan atau pekerjaan dikehendaki mendaftarkan diri ke Pejabat Buruh; dan
- (c) pekerja-pekerja kilang yang telah diberhentikan oleh majikan mereka kerana penutupan kilang atau kerana mengurangkan bilangan pekerja, apakah usaha-usaha yang dapat dilaksanakan bagi menolong mereka mendapatkan pekerjaan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Sehingga akhir bulan Januari 1986, jumlah calon yang mendaftar diri di Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya untuk mendapatkan pekerjaan ialah seramai 84,121 orang.

Mereka yang mendaftar diri ini mestilah membaharui pendaftaran mereka setiap enam bulan sekali. Jika sesuatu temuduga untuk pengisian jawatan itu diuruskan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Rakyat mereka dipanggil perlulah berdaftar terlebih dahulu dengan Jabatan tersebut.

Untuk pekerja-pekerja kilang dan juga pekerja-pekerja dari sektor-sektor lain yang diberhentikan kerja, Kementerian saya sedang dan terus berusaha membantu mereka yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat untuk mencari pekerjaan alternative atau memberi latihan semula dalam berbagai bidang bagi memberi kemahiran untuk memudahkan mereka mencari kerja ataupun untuk bekerja sendiri sebagai peniaga kecil.

GURU SISWAZAH

32. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah guru siswazah yang diperlukan oleh negara sehingga Disember, 1985:

- (a) dari jumlah itu berapa ramai yang telah diisi dari tenaga dalam negeri dan tenaga pengajar secara kontrak dari luar negeri;
- (b) tenaga pengajar dan negara mana yang masih kita gunakan;
- (c) sehingga bila dijangka Malaysia mampu memenuhi keperluan tenaga pengajar siswazah ini yang akan keluar dari pusat pengajian tinggi dalam dan luar negeri; dan
- (d) adakah Menteri sedar banyak sekolah di luar bandar masih ketiadaan dan kekurangan guru siswazah khasnya dalam bidang sains.

Tuan Ng Cheng Kiat: Guru-guru siswazah yang diperlukan oleh negara sehingga Disember 1985 adalah 14,222 orang.

- (a) Dari jumlah tersebut seramai 13,474 orang telah dipenuhi dengan tenaga pengajar tempatan. Seramai 143 orang pula adalah terdiri dari tenaga pengajar luar negeri, secara kontrak.
- (b) Pengambilan tenaga pengajar tersebut adalah terdiri:
 - (i) dari Britain seramai 82 orang sebagai guru-guru Bahasa Inggeris di bawah Program "Centre For British Teachers" (CFBT).
 - (ii) Dari Jepun seramai 17 orang sebagai guru Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional dan juga guru Bahasa Jepun.
 - (iii) Dari India dan Indonesia seramai 38 orang yang mengajar di Sabah dan Sarawak.
 - (iv) Dari England, Kanada dan Australia seramai 6 orang sebagai guru-guru kontrak secara sukarela.
- (c) Adalah sukar bagi menentukan dengan tepat jangkamasa tertentu bila Malaysia mampu memenuhi keperluan tenaga pengajar, kerana keperluan guru bergantung kepada jumlah murid dan kelas di seluruh negara. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada program latihan guru yang sedang dijalankan, Kementerian Pelajaran berharap masalah ini akan dapat diatasi menjelang tahun 1990.

SEKOLAH RENDAH TAMIL DI ESTET-ESTET

33. Dato' Dr K. S. Nijhar minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar terdapat banyak Sekolah-sekolah Rendah Tamil di Estet-estet tidak mempunyai kemudahan asas seperti talipon, kerani sekolah, kerusi meja dan juga ada diantaranya tidak mempunyai kelengkapan seperti mesin taip atau mesin membuat salinan "duplicating machine" dan sekiranya sedar, sama ada beliau akan memberi peruntukan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan ini.

Tuan Ng Cheng Kiat: Kementerian Pelajaran sedar tentang masalah kekurangan kemudahan dan kakitangan yang dihadapi oleh Sekolah-sekolah Rendah Tamil di Estet-estet. Kekurangan ini terdapat juga di Sekolah-sekolah Rendah yang lain. Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk melengkapkan sekolah-sekolah tersebut dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan mengikut kemampuan yang ada.

RUMAH KOS RENDAH BAGI KAKITANGAN KERAJAAN

34. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan sama ada jangka pendek atau jangka panjang, untuk membolehkan kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan "C" dan "D" membeli rumah-rumah kos rendah.

Dato' Chan Siang Sun: Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya tidak mempunyai rancangan khas sama ada jangka pendek atau panjang untuk membolehkan kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan-kumpulan "C" dan

“D” membeli rumah-rumah kos rendah. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna Kerajaan tidak memberi pertimbangan kepada kumpulan-kumpulan tersebut dalam Perkhidmatan Awam.

Dasar Perumahan Negara adalah untuk menentukan semua rakyat Malaysia terutama golongan yang berpendapatan rendah dapat menikmati kemudahan perumahan yang mencukupi dan selesa mengikut kemampuan mereka. Dalam pada itu, Kerajaan telah merangkakan program-program dan dasar perumahan kos rendah yang sesuai bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah. Rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan juga dijual kepada golongan tersebut. Pinjaman perumahan yang penuh diberi oleh kerajaan dengan kadar faedah tahunan yang rendah iaitu 5½% setahun bagi rumah awam kos rendah yang dibina di kawasan luar bandar dan 9% setahun bagi yang dibina di kawasan bandar.

Bagi pembelian rumah kos rendah yang dibina oleh sektor swasta, Kerajaan telah mengadakan skim pinjaman perumahan khas di mana pinjaman perumahan dengan kadar faedah 10% setahun diberi oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan bagi membantu kumpulan berpendapatan rendah membelinya. Tempoh bayaran balik untuk pinjaman tersebut ialah 20-25 tahun.

Semua kakitangan Kerajaan termasuk Kumpulan-kumpulan “C” dan “D” layak menikmati kemudahan pinjaman perumahan yang disediakan dalam Perkhidmatan Awam. Di bawah skim pinjaman perumahan Perkhidmatan Awam, pinjaman maksima yang diberi kepada seseorang kakitangan Kerajaan adalah mengikut Kumpulannya. Kadar faedah yang dikenakan hanya 4% setahun. Bagi membantu kakitangan Kumpulan “D” membeli rumah kos rendah, Kerajaan

telah menurunkan umur kelayakan meminjam bagi kakitangan dalam kumpulan tersebut dari 30 tahun kepada 25 tahun dan melanjutkan tempoh bayaran balik dari 25 tahun ke 30 tahun.

KERETA PROTON SAGA— PEMBELIAN

35. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya minta Perdana Menteri memberi penjelasan apakah negara-negara yang telah membuat tempahan untuk membeli kereta Proton Saga dan bilangan tempahan yang telah diterima.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Jawapan pada soalan yang sama telah saya beri kelmarin semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat Senator Mohd. Yusoff bin Kassim. Saya tiada apa-apa tambahan pada jawapan saya itu.

CUKAI PENDAPATAN BAGI SYARIKAT SWASTA/ PERSEORANGAN—BAYARAN

36. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar banyak syarikat-syarikat swasta dan ramai orang perseorangan tidak menjelaskan cukai pendapatan mereka. Jika benar, nyatakan:

- (a) berapa bilangan syarikat-syarikat swasta dan orang perseorangan tidak menjelaskan cukai pendapatan mereka bagi tahun 1980, 1981, 1982, 1983, 1984 dan 1985;
- (b) berapakah jumlah wang tunggakan cukai pendapatan yang belum dijelaskan bagi tahun-tahun yang tersebut di para (a) di atas; dan
- (c) apakah langkah atau tindakan Kerajaan supaya Syarikat-syarikat Swasta dan orang

perseorangan menjelaskan bayaran cukai pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan dan tindakan Kerajaan mendapatkan bayaran tunggakan.

Dato' Oo Gin Sun:

- (a) Memang ada syarikat-syarikat swasta dan orang-orang perseorangan yang tidak menjelaskan cukai pendapatan mereka. Bagi tahun-tahun 1980 hingga 1985 jumlah terkumpul adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Syarikat-syarikat Swasta	Orang-orang Perseorangan
1980	5,916	190,519
1981	6,957	217,852
1982	7,001	248,730
1983	7,283	252,236
1984	8,964	273,576
1985	12,166	299,981

- (b) Jumlah tunggakan cukai pendapatan terkumpul bagi kedua-duanya adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Cukai Terkumpul Yang Belum Dibayar
1980	\$ 921 juta
1981	\$1,064 juta
1982	\$1,294 juta
1983	\$1,420 juta
1984	\$1,707 juta
1985	\$2,211 juta

Kesemua angka-angka yang disebutkan di atas tadi adalah bagi Semenanjung Malaysia sahaja. Maklumat-maklumat yang sama bagi Sabah dan Sarawak sedang dikumpulkan dan disemak.

- (c) Sukalah saya menegaskan di sini bahawa Kementerian saya akan memastikan supaya syarikat-syarikat swasta dan orang-orang

perseorangan menjelaskan cukai pendapatan mereka mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya mereka enggan berbuat demikian, Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak teragak-agak mengenakan denda sebanyak 15% atas baki cukai yang belum dibayar. Selepas daripada pengenaan penalti ini, tindakan mahkamah akan diambil bagi menuntut cukai-cukai yang belum lagi dijelaskan.

PEGAWAI AWAM—LAYANAN KEPADA ORANG RAMAI

37. Tuan M. G. Pandithan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak Jabatan Kerajaan mengandungi pelampau kaum dan agama yang memberi layanan buruk kepada orang awam yang miskin dan yang perlukan pertolongan serta bantuan dalam urusan yang berkaitan dengan hal ehwal Kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Saya tidak sedar, dan Kerajaan tidak pernah menerima aduan terhadap kejadian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebagai makluman, Kerajaan sentiasa mengawasi perkhidmatan dan layanan yang diberikan oleh pegawai-pegawai awam kepada orang ramai, dan sebarang aduan akan disiasat dan tindakan akan diambil ke atas pegawai-pegawai yang berkenaan sekiranya mereka benar-benar melakukan kesalahan. Adalah menjadi tanggungjawab Yang Berhormat juga sekira mengetahui hal itu untuk melaporkan kepada pihak-pihak tertentu bagi mengatasi masalah dan mengelakkan tuduhan secara umum sahaja yang sukar tindakan diambil.

PROTON SAGA—PENGELUARAN

38. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Perdana Menteri menyatakan jumlah unit Proton Saga yang telah dikeluarkan dari mula hingga 31-3-86 dan anggaran yang akan dikeluarkan pada tahun 1986 dan 1987.

Datuk Dr James P. Ongkili: Sehingga akhir bulan Mac 1986, lebih kurang 18,000 unit Proton Saga telah dikeluarkan. Namun demikian, pengeluaran sebenarnya adalah bergantung kepada permintaan pasaran. Setelah mengambil kira permintaan pasaran kereta dalam negeri dan juga kemungkinan pasaran luar negeri, PROTON menganggarkan pengeluaran Proton Saga bagi tahun 1986 adalah antara 30,000-50,000 unit dan bagi tahun 1987, antara 60,000-70,000 unit.

KEMISKINAN PENDUDUK LUAR BANDAR

39. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan penduduk-penduduk luar bandar mengikut Rancangan Malaysia Kelima.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan penduduk-penduduk di luar bandar telah dijelaskan di dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima yang telah diumumkan pada 21 Mac yang baru lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan di sini secara umum di antara langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Kerajaan sedang dan akan

melaksanakan berbagai-bagai program dan projek bagi tujuan meninggikan pendapatan dan menambah daya pengeluaran petani-petani serta memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat luar bandar misalnya melalui strategi perkebunan berkelompok dan pembedaran kawasan luar bandar. Di samping itu, strategi-strategi yang telah dijalankan dalam Rancangan Malaysia Keempat seperti pembukaan tanah-tanah baru, penyediaan kemudahan-kemudahan pengairan, pengembangan, penanaman semula dengan benih yang berhasil tinggi, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu dan Program Input dan Pelbagaian Pertanian serta penggunaan jentera-jentera, alat-alat dan cara-cara pertanian moden akan terus dijalankan di kawasan-kawasan pertanian yang baru dan yang sedia ada. Kemudahan-kemudahan asas seperti kemudahan kesihatan, pelajaran, bekalan air, elektrik dan jalan-jalan akan diperluaskan dan dipertingkatkan bagi tujuan meninggikan taraf hidup rakyat luar bandar.

MATAPELAJARAN BAHASA TAMIL DI SEKOLAH

40. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah Sekolah Menengah Kebangsaan yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan beberapa banyak di antara sekolah ini yang menyediakan kelas untuk mata pelajaran Bahasa Tamil semasa waktu sekolah di luar waktu sekolah.

Tuan Ng Cheng Kiat: Di Semenanjung Malaysia terdapat sebanyak 1,084 buah Sekolah Menengah Kebangsaan. Bilangan sekolah yang mengadakan kelas untuk matapelajaran Bahasa Tamil semasa waktu persekolahan adalah sebanyak 99 buah; di luar waktu persekolahan bilangannya adalah 163 buah.

PENUBUHAN BADAN KERAJAAN/ ANAK SYARIKAT—KAWALAN

41. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan mengawal penubuhan dan kegiatan badan-badan Kerajaan dan anak-anak Syarikat yang bersaing hebat dengan syarikat-syarikat Bumiputera dan nyatakan langkah-langkah yang diambil setakat ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Kerajaan senantiasanya mengawasi penubuhan dan kegiatan badan-badan Kerajaan dan anak-anak Syarikat supaya tidak bersaing hebat dengan Syarikat-syarikat Bumiputera. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, peranan Kerajaan ialah untuk menampung, membantu, memaju dan membimbing perkembangan sektor swasta terutamanya Syarikat-syarikat Bumiputera dan bukan untuk bersaing dengannya.

Kerajaan telah pun mengeluarkan arahan-arahan tertentu kepada Badan-badan Kerajaan seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, MARA, Agensi-agensi Pembangunan Wilayah seperti KEJORA, DARA, KETENGAH, KESEDAR dan lain-lain lagi supaya tidak bersaing dengan Syarikat-syarikat Bumiputera. Mereka ditegah daripada menubuhkan Syarikat-syarikat baru dalam bidang yang telah diceburi dan mampu dikendalikan oleh Bumiputera di samping mengundurkan diri daripada aktiviti yang mana sudah terdapat banyak Syarikat-syarikat Bumiputera yang berkeupayaan untuk mengendalikannya. Dalam usaha untuk membimbing usahawan Bumiputera, Badan-badan Kerajaan sebenarnya digesa untuk memainkan Konsep Payung dalam melindungi, memupuk dan membangunkan mereka itu. Badan-badan seperti Bank Pembangunan, MARA, MARDI, dan PKEN telah pun mengamalkan konsep itu.

PATA—PERSEDIAAN PERSIDANGAN

42. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk persediaan Persidangan PATA; dan
- (b) jumlah anggaran kasar yang akan dapat dipungut dari hasil kedatangan para Pelancong semasa Persidangan PATA nanti.

Tuan Kee Yong Wee:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejumlah 7.716 juta ringgit telah diperuntukkan untuk menganjurkan Persidangan PATA. Sebahagian besar daripadanya berjumlah sebanyak 3.43 juta adalah untuk aktiviti penggalakkan bagi menarik lebih ramai delegasi ke Persidangan di Malaysia. Selainnya adalah untuk program pengindahan yang dijalankan di seluruh negara serta lain-lain aktiviti.
- (b) Adalah dijangka seramai 2,400 delegasi akan menghadiri Pacific Travel Mart dan Persidangan PATA 1986 dari 9hb April hingga 16hb April 1986. Di samping itu, sebilangan dari mereka ini akan pergi menyertai program Lawatan selepas Persidangan yang melibatkan semua negeri di Malaysia.

Sepanjang tempoh persidangan nanti para delegasi dianggarkan akan mengeluarkan perbelanjaan lebih kurang sebanyak US\$2 juta atau M\$5 juta. Ini termasuk perbelanjaan untuk tempat penginapan, pendaftaran, makan minum, cenderamata, lawatan, majlis keraian dan

sebagainya. Hasil yang kita dapat dari segi pungutan wang bukanlah begitu besar. Perlu dimaklumkan bahawa kita menjadi tuan rumah PATA bukan dengan tujuan memungut hasil perbelanjaan daripada peserta-peserta Persidangan PATA dan PATA Travel Mart.

Kedua-dua Persidangan ini memberi hasil yang besar kepada mana-mana negara yang menjadi tuan rumah dari segi publisiti, penggalakkan dan peluang yang terbuka untuk pengusaha-pengusaha kita bergiat dengan lebih berkesan melalui kontak-kontak yang dibuat dengan perhubungan yang dijalinan dengan pengusaha-pengusaha pelancongan dari luar negeri yang datang ke negara ini untuk menghadiri Persidangan PATA.

Pendek kata hasil PATA bukanlah dilihat daripada jangka pendek bahkan daripada sudut jangka panjang demi pertumbuhan dan galakan industri pelancongan di negara ini.

BIASISWA DAN TEMPAT BELAJAR—PEMBERIAN

43. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada tindakan-tindakan sedang diambil atau akan diambil untuk menjamin bahawa murid-murid dan penuntut-penuntut dalam sekolah-sekolah, kolej-kolej atau universiti-universiti tidak berasa bahawa mereka diperbezakan oleh kerana bangsa atau agama mereka khususnya dalam pemberian biasiswa atau tempat-tempat dalam universiti-universiti.

Tuan Ng Cheng Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang tidak membezakan penuntut-penuntut sekolah, kolej dan universiti kerana bangsa dan agama mereka dalam soal pemberian biasiswa dan tempat belajar. Pengambilan pelajar-pelajar ke institusi pengajian tinggi adalah berdasar kepada kelulusan akademik masing-masing dan juga kepada peruntukan kuota yang telah dipersetujui oleh semua kaum. Pemberian biasiswa pula adalah berdasarkan kepada hasrat untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru dan Perpaduan Negara, oleh itu perkara ini tidak seharusnya dibangkit-bangkitkan lagi.

DOKTOR PAKAR/PERUBATAN LUAR NEGERI

44. Tuan Harun bin Hasan minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan Doktor dan Pakar Perubatan dan Kesihatan Luar Negeri yang dipinjam untuk berkhidmat di negara ini. Nyatakan juga bilangan doktor-doktor Kerajaan yang telah meletak jawatan untuk membuka perusahaan klinik persendirian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Ban Hon Keong): Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah melantik seramai 204 orang doktor luar negeri dan daripada jumlah tersebut seramai 48 adalah pakar perubatan. Kementerian akan terus mengambil doktor-doktor pakar luar negeri bagi menampung kekurangan dalam bidang-bidang yang tertentu.

Doktor-doktor Kerajaan yang telah meletakkan jawatan adalah seperti berikut:

1985—243

1984—257

Sungguhpun bilangan Pegawai Perubatan yang meletakkan jawatan adalah agak tinggi tetapi bilangan pengambilan baru Pegawai Perubatan juga telah meningkat. Misalnya bagi tahun 1984 seramai 416 Pegawai Perubatan telah dilantik manakala pada tahun 1985 adalah seramai 470 orang.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN RAUB—BANGUNAN BARU

45. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementeriannya bercadang untuk membina sebuah pejabat yang baru untuk Jabatan Pengangkutan Jalan bagi menggantikan bangunan yang lama dan perlu diubahsuai di Daerah Raub, Negeri Pahang Darulmakmur.

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan pembinaan bangunan baru JPJ Raub adalah merupakan di antara projek yang berprioriti tinggi, untuk dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Untuk tujuan ini sekeping tanah seluas lebih kurang 7 ekar yang terletak di Jalan Cheroh, Mukim Gali, Raub telah pun diperolehi.

Walaupun demikian, pembinaan pejabat baru JPJ Raub yang dirancang itu tidak dapat dimulakan sehingga keadaan ekonomi negara pulih dan peruntukan yang diperlukan diperolehi.

JALAN RAYA DI HILIR PERAK—MELUASKAN

46. Tuan Kuan Peng Soon minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai Rancangan

untuk memperluaskan jalan-jalan raya di Daerah Hilir Perak kerana jalan-jalan raya berkenaan setanding dengan kesibukan lalulintas.

Dato' S. Samy Vellu: Kementerian saya memang bercadang untuk memperluaskan jalan-jalan raya di Daerah Hilir Perak, dan sehingga ini Tiga (3) batang jalan raya telah dikenalpasti untuk dilebar dan dinaikkan taraf, iaitu:

- (i) Jalan Sabak Bernam—Teluk Intan, yang mana kerja-kerja melebarkan jalan kepada 7.3 meter dijangka akan dilaksanakan pada tahun 1987. Panjangnya jalan itu ialah 27 km iaitu dari jambatan Sabak Bernam ke Teluk Intan. Pembinaan Jambatan Sabak Bernam telah pun siap.
- (ii) Jalan Teluk Intan—Bagan Datuk, yang mana kerja-kerja membina jalan baru dari Teluk Intan ke Bagan Datuk sedang dijalankan dan dijangka siap pada pertengahan tahun ini.
- (iii) Jalan Sg. Tiang—Rungkup adalah Jalan Negeri, dan saya telah difahamkan bahawa kerja-kerja menaikkan taraf jalan itu dijangka akan bermula dalam tahun ini juga.

Jalan-jalan lain di Daerah Hilir Perak belum dilaksanakan oleh kerana lalulintas di Jalan-jalan itu didapati belum begitu sibuk dan oleh itu perlaksanaannya dari segi keutamaan masih rendah. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa mengesan keadaan lalulintas di jalan-jalan tersebut, dan jika didapati bertambah dan sibuk, peruntukan yang secukupnya akan dipohon untuk kerja-kerja memperluaskan jalan-jalan itu.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D. Y. M. M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam”. (7hb April, 1986).

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dato G. Pasamanickam menyambung ucapan beliau. Silakan Yang Berhormat.

3.38 ptg.

Dato G. Pasamanickam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam masa 5 tahun akan datang konsep penswastaan dan persyarikatan Malaysia hendaklah digalakkan sepenuhnya. Semalam seorang Ahli telah berucap mengenai perkara ini, saya ingin ucapan terima kasih dan saya hendak ulang sedikit—kejayaan Rancangan Malaysia Keempat terjejas disebabkan kemelesetan ekonomi dunia. Dengan kejatuhan harga bahan-bahan eksport dan jumlah penjualan yang lebih

rendah maka sukarlah bagi negara kita mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi seperti pada tahun 60 dan 70an.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian masih menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia kita. Oleh itu, wajarlah diberi peruntukan yang begitu tinggi. Pihak petani-petani juga diminta meningkatkan produktiviti. Kaum petani juga dinasihatkan supaya merancang dengan teliti sebelum melaksanakan sesuatu projek. Program itu perlu disusun sebegitu selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara ke arah meluaskan lagi menambah produktiviti dan meningkatkan taraf hidup mereka. Melalui strategi itu beberapa kelemahan yang dikenalpasti menyebabkan rendahnya produktiviti di kalangan petani akan diatasi menerusi program yang tersusun. Petani-petani juga di minta menguasai beberapa projek pemulihan di tanah-tanah yang terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, galakan-galakan cukai untuk sektor pertanian telah diperbaiki dan penanaman padi secara besar-besaran di kawasan jelapang padi dengan menggunakan teknik-teknik moden serta diselenggarakan oleh kumpulan guru yang mahir yang terlatih juga akan digalakkan. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, projek-projek yang diberi keutamaan oleh Kerajaan termasuklah sekolah-sekolah, klinik, bekalan elektrik serta jalan-jalan, kesemua perkhidmatan dan kemudahan ini akan memberi sumbangan ke arah meningkatkan mutu kehidupan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima juga, sektor swasta digesa memainkan peranan yang penting untuk mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi negara. Mereka dijangka melabur sebanyak \$72,900 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk

zat dan kadar kematian kanak-kanak dalam negara kita.

Saya juga ingin menyentuh tentang Dasar Pelajaran Negara kita di mana menghapuskan polarisasi kaum perlu diberi keutamaan. Sungguhpun tadi kita telah dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat atas perkara ini, saya dapati dasar ini masih belum dilaksanakan dengan sepenuhnya kerana saya dapati banyak sekolah rendah, menengah dan universiti-universiti, terutama sekali sekolah-sekolah yang berasrama penuh, polarisasi kaum terus wujud.

Hanya segelintir kecil sahaja pelajar-pelajar dari kaum-kaum yang lain dapat belajar bersama dengan kaum bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu keadaan yang terpaksa kita hapuskan sama sekali demi mewujudkan satu masyarakat adil dan saksama untuk masa hadapan.

Kementerian Pelajaran perlulah mengambil tindakan-tindakan tegas bagi meningkatkan lagi pengambilan pelajar-pelajar dari kaum-kaum yang lain untuk memastikan jurang perbezaan antara kaum tidak ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan juga perlu diberikan kepada kawasan-kawasan luar bandar yang masih belum disediakan dengan kemudahan baru kesihatan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Beberapa kesilapan yang berlaku dalam Rancangan Malaysia Keempat mestilah diperbaiki dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan serta meningkatkan kemampuan membayar kembali pinjaman, langkah-langkah penjimatan akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelima, manakala produktiviti akan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelima juga menumpukan kepada dua faktor yang penting iaitu menjadikan sektor swasta sebagai penggerak utama perkembangan ekonomi melalui peningkatan perbelanjaan pelaburan dan penggunaan, sementara sektor awam pula mengambil langkah berjimat cermat untuk membolehkan penumpuan yang lebih kepada usaha memperbaiki taraf hidup rakyat dan penyediaan kemudahan asas di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Kamaruzaman.

3.53 ptg.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk turut serta menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana Titah Ucapan tersebut telah pun disampaikan di Dewan Parlimen pada 10hb Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu, saya berpendapat bahawa Titah Ucapan itu adalah amat bernas serta lengkap yang merangkumi semua aspek penting terutama sekali dalam menghadapi cabaran serta pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima dan menghadapi cabaran-cabaran ekonomi yang meleset dan lembab, menghadapi gejala-gejala penyalahgunaan dadah. Kebawah Duli Tuanku telah juga menyentuh tentang hal-hal keagamaan yang telah dipesongkan dan disalahgunakan oleh pihak-pihak

tertentu demi untuk kepentingan peribadi serta kepentingan politik mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Tuanku juga telah bertitah tentang betapa perlunya perpaduan rakyat dan integrasi nasional diperkukuhkan yang mana ianya adalah menjadi matlamat utama Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat berpuas hati serta bangga di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku itu dan dengan ini menyokong penuh di atas apa juga titah nasihat yang telah diberikan oleh Kebawah Duli Tuanku. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang pada pendapat saya ataupun pada hemat saya amat penting demi untuk kesejahteraan rakyat, bangsa dan tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama menghadapi kemelesetan ekonomi. Saya amat tertarik hati di atas cara-cara Kerajaan mengatur langkah dan strategi bagi mengatasi keadaan ekonomi negara yang begitu lembab. Di antara perkara-perkara yang sedang dan telah pun dijalankan ialah di mana Kerajaan sedang menjalankan dasar penswastan dan konsep persyarikatan Malaysia dengan begitu meluas. Walaupun dasar ini telah ramai menarik pelabur-pelabur tempatan dan juga luar negeri, kita perlu sentiasa berhati-hati dan berwaspada dalam melaksanakan konsep yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan begitu ghairah untuk menarik pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di negara kita ini tetapi kita janganlah lupa kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang patut diberi keutamaan. Saya berpendapat sudah sampai masa dan ketikanya pengusaha-pengusaha tempatan yang tidak kurang dari segi kemampuan dan kepakaran mereka untuk melaksanakan projek-projek yang berkenaan. Oleh itu mereka

hendaklah diberi peluang yang seluas-luasnya di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam melaksanakan dasar penswastan dan konsep persyarikatan Malaysia ini, kita hendaklah sentiasa mengutamakan pekerja-pekerja mahir tempatan dan juga menggunakan sepenuhnya bahan-bahan tempatan.

Selain daripada itu pekerja-pekerja mahir dan kepakaran perkhidmatan profesional tempatan juga hendaklah digunakan sepenuhnya dan dengan yang demikian ianya akan memberi peluang kepada anak-anak watan negara ini menceburkan diri dalam bidang-bidang yang baru yang belum pernah mereka alami.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian, mereka juga akan dapat didedahkan kepada pengalaman-pengalaman serta idea-idea baru yang dibawa oleh pengusaha-pengusaha luar negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara pada masa ini ialah dengan cara membina sebanyak 80,000 unit setahun rumah kos rendah dan sederhana dan membangunkan infrastruktur kemudahan asas seperti jalan-jalan raya, jambatan dan lain-lainnya.

Adalah dianggarkan dengan adanya aktiviti-aktiviti tersebut Kerajaan akan menjangka untuk mendapat pertumbuhan ekonomi sebanyak 3% sehingga 3½% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pencapaian pertumbuhan ekonomi yang dijangka itu tidak akan tercapai jika sekiranya jentera-jentera pelaksanaan baik di peringkat nasional, di peringkat negeri dan di peringkat daerah hendaklah diperkukuh dan diperkembangkan. Saya juga ingin menyarankan di sini bahawa bilik-bilik gerakan yang ada sekarang

di semua peringkat hendaklah diaktifkan bagi mengawasi kemajuan projek-projek yang dibangunkan itu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, lawatan-lawatan mengejut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri-menteri yang lain sangatlah diperlukan, mengadakan lawatan dari masa ke semasa.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru pula, saya ingin menyingkap kembali sejarah di mana Kerajaan kita merangka dasar yang berkenaan dalam tahun 60an dan dalam tahun 1990 nanti pencapaian ekuiti kaum bumiputera akan mengikut kepada 30% di dalam semua bidang akan terlaksana. Tetapi malangnya, anjuran yang dibuat dalam tahun 60an itu adalah berdasarkan kepada andaian-andaian pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 8% pukol rata dalam tempoh 1971 hingga 1990. Oleh kerana dengan adanya keadaan pertumbuhan ekonomi yang rendah dan Kerajaan tidak dapat mencapai pertumbuhan ekonomi yang diharapkan, sudah tentu prestasi 30% ekuiti bumiputera yang dijangka pada tahun 1990 itu tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya matlamat ini tidak dapat dicapai apabila sampai masa dan ketikanya, saya khuatir bahawa kita sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab telah tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak yang telah dirancangan itu. Saya ingin mengutarakan satu soalan di sini, iaitu apakah tindakan Kerajaan Barisan Nasional bagi mengatasi perkara ini? Ahli-ahli Yang Berhormat, para Menteri-para Menteri dan saya sendiri sedar bahawa adalah mustahil dengan keadaan ekonomi yang ada sekarang ini, matlamat yang telah kira janjikan itu akan tercapai. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan oleh kerana dalam Titah Ucapan Kebawah Duli

Tuanku telah pun bertitah iaitu adalah satu daripada aspek penting yang patut kita semua jagai dan hormati ialah perpaduan rakyat dan integrasi nasional tetap menjadi matlamat utama Kerajaan kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, saya tidak ragu-ragu lagi dan ingin menyatakan bahawa tempoh 1990 sebagaimana yang telah ditetapkan itu tidak mencukupi untuk mencapai matlamat yang dituju. Di mana kaum bumiputera mempunyai 30% ekuiti di dalam semua bidang hanya satu jalan sahaja yang saya nampak luas terbentang di hadapan kita semua ini ialah untuk menyambung atau memanjangkan lagi tarikh akhir bagi pencapaian Dasar Ekonomi Baru itu. Dengan lain-lain perkataan bahawa target 1990 ini hendaklah disambung, mungkin ke sepuluh tahun ataupun duapuluh tahun lagi mengikut keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi meningkatkan usaha-usaha penyelidikan dalam sektor pertanian. Menyentuh di dalam perkara-perkara sektor pertanian pula, saya ingin menekankan bahawa sektor ini adalah sektor yang paling penting di dalam negara kita ini. Dengan adanya dasar penting negara, strategi-strategi mengenai aktiviti ladang akan disambut baik oleh semua lapisan petani di dalam negara kita ini. Peranan kredit pertanian yang dimaksudkan itu adalah amat penting jika sekiranya petani-petani kita ingin meningkatkan lagi hasil mahsul mereka. Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan di sini bahawa sekiranya Kerajaan ingin meningkatkan lagi perlaksanaannya di peringkat "grassroots", penyeliaan serta penjagaan yang rapi dari pegawai-pegawai yang terlibat agar maksud dan matlamat kredit pertanian ini tidak disalahgunakan dan dengan itu akan sia-sialah rancangan Kerajaan yang baik itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat, penyalahgunaan dadah. Mengenai kegiatan penyalahgunaan dadah pula, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada badan-badan serta agensi-agensi Kerajaan seperti PEMADAM yang telah menjalankan serta mengaturkan program-program yang amat berkesan dan telah dapat membantu Kerajaan untuk membanteras serta mengurangkan bilangan penagih-penagih dadah di negara kita ini. Rancangan serta program-program yang telah diatur ini amatlah baik sehingga Kerajaan kita mendapat sokongan badan-badan antarabangsa dan dengan tidak secara langsung telah menaikkan imej negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyalahgunaan dadah ini, saya menyokong penuh di atas tindakan Kerajaan yang mengenakan hukuman berat kepada mereka yang menjadi agen serta mengedar dadah-dadah yang merbahaya ini. Kita perlu tegas dan tidak perlu takut dengan desakan-desakan serta ugutan-ugutan badan-badan antarabangsa di atas perkara ini. Kita perlu menjaga rumah tangga kita sendiri. Orang lain tidak ikut campur tangan dalam masalah ini. Oleh kerana bahaya penyalahgunaan dadah itu amat buruk padahnya kepada masyarakat, orang ramai hendaklah sentiasa diingatkan bahawa dadah itu adalah menjadi musuh negara selain daripada komunis dan lain-lain kegiatan anti nasional. Saya berharap badan-badan siasah yang lain selain daripada UMNO, Parti-parti Pembangkang juga sama-sama bertanggungjawab untuk memerangi penyakit dadah ini. Janganlah perkara ini diserahkan kepada UMNO sahaja ataupun Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh satu perkara lain, ajaran Islam yang dipesongkan. Sejak akhir-akhir ini kita sentiasa terbaca berita di akhbar-akhbar tempatan tentang

adanya badan-badan siasah dan orang-orang perseorangan tidak segan dan tidak silu menggunakan ajaran agama Islam untuk kepentingan politik golongan-golongan yang tertentu. Saya berpendapat bahawa tindakan mereka yang telah menyeleweng itu bukan sahaja mengancam keselamatan negara, bahkan ia merugikan wang ringgit dan umat Islam itu sendiri. Saya menyokong penuh di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku supaya mereka yang terlibat itu hendaklah diambil tindakan yang keras, tindakan yang tegas supaya penyakit dan ajaran yang sesat dan yang terkutuk itu dapat dibanteras dengan segera.

Di dalam masalah ini, saya berpendapat bahawa agensi-agensi serta pertubuhan-pertubuhan Islam hendaklah berganding bahu menyusun strategi untuk mengatasi perkara-perkara ini. Saya berasa sangsi dan rasa bimbang jika perkara ini tidak dapat dibendung dengan segera maka ianya akan merebak berleluasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyatakan rasa penuh syukur ke hadrat Allah yang maha esa kerana selama ini negara kita mendapat perlindungan daripada Allah dan dipohon juga kepada Allah agar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dilimpahi rahmat atas Kerajaan Kebawah Duli Baginda kekal memerintah dan sejahtera, supaya ianya memberi perlindungan kepada rakyat yang ada di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih teringat Baginda telah membacakan sepotong ayat Quran dalam Titah Ucapannya. Maksud ayat tersebut, "Hendaklah mematuhi hukum-hukum Allah dan Rasul, serta hendaklah menghormati dan mematuhi Kerajaan yang memerintah". Ini sudah tepat. Kalau kita fikirkan apa yang disarankan oleh Baginda itu adalah

tepat sekali. Oleh itu saya berharap kepada pihak-pihak Pembangkang supaya dapat menghentikan perkara-perkara bodoh ini supaya jangan diteruskan untuk kepentingan mereka. Allah tidak mengizinkan perkara-perkara yang seumpama ini, saya rasa sia-sia belaka. Adalah menjadi kerugian yang besar bukannya mereka, tetapi adalah rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir, saya ingin menyentuh atas perkara perpaduan rakyat dan integrasi nasional ini supaya dapat dikekalkan dan tidak boleh dipermainkan.

Oleh itu untuk mengakhiri ucapan saya, saya berharap terutama sekali parti-parti Pembangkang, apatah lagi pilihanraya sudah dekat, mereka tidak ada senjata lain maka inilah senjata untuk mereka yang digunakan ke mana-mana tempat juga mereka pergi, maka inilah yang disebarikan perkara-perkara yang saya utarakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakala kita sebut sahaja Memali di dalam negeri Kedah, kita masih teringat kejadian pahit, kejadian yang tidak patut yang dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan menggunakan manusia yang tidak berdosa, menggunakan kanak-kanak, menggunakan wanita untuk melindungi supaya salah seorang pemimpin mereka itu supaya jangan ditangkap oleh Polis. Kita menyokong tindakan Kerajaan supaya memberikan keamanan bukan sahaja di Memali bahkan di dalam negara kita ini dan kita berharap pihak-pihak Pembangkang supaya sedar—"Sesat di hujung jalan, baliklah ke pangkal jalan."

Dengan ini saya sekali lagi menyokong penuh ucapan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan M.G. Pandithan: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat Tuan Pandithan, kita beri peluang kepada kaum wanita, Ahli Yang Berhormat yang baru. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Ainon.

4.11 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini bagi menyokong satu Usul yang telah dibawa pada peringkat permulaan persidangan Dewan ini iaitu Usul mempersembahkan suatu ucapan yang zalil dengan rasa kesyukuran dan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Di Raja Duli Tuanku semasa merasmikan Pembukaan Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini adalah ucapan sulung saya sebagai anggota Dewan yang baru, saya mohon izin untuk merafakkan sembah Kebawah Duli Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas limpah kurniannya yang telah mengizinkan saya dilantik dan berada menjadi salah seorang anggota di Dewan yang mulia ini. Jutaan terima kasih juga saya paparkan kepada pucuk pimpinan parti iaitu Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Presiden UMNO merangkap Perdana Menteri Malaysia dan juga pucuk pimpinan Pergerakan Wanita UMNO di atas sokongan mereka perlantikan saya ini. Mudah-mudahan saya akan dapat memberikan khidmat sebaik mungkin, sedaya mungkin kepada Dewan yang mulia ini bagi mempertingkatkan lagi prestasi Dewan ini demi untuk bangsa, negara dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Titah Ucapan dasar Duli Baginda atau Titah Ucapan Duli Tuanku beberapa

perkara telah dipaparkan. Nyatalah Titah Ucapan Di Raja itu amat lengkap dan merangkumi segala aspek yang diperlukan oleh negara kita. Titah Di Raja amat sedar di atas kelesuan ekonomi yang sedang berlaku di negara kita. Sedar di atas masalah-masalah yang timbul di dalam negara yang seolah-olah menggugat kestabilan dan kedamaian yang kita sedang nikmati dan juga di atas beberapa angkara yang sedang berlaku di luar negeri yang seolah-olahnya mengarah dan menghalakan beberapa implikasi yang tidak sihat terhadap negara kita yang sedang membangun, negara kita yang tercinta yang sudah mula harum mencipta kedamaian. Satu rekod yang terbaik di dunia kerana walaupun rakyatnya dari berbilang-bilang bangsa, tetapi kita masih mampu mempertahankan kestabilan politik, ekonomi dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Di Raja juga mengucapkan syukur kepada Allah Taala di atas keselamatan dan juga keamanan yang kita nikmati ketika ini, Tuan Yang di-Pertua. Sesungguhnya kita masih bersyukur lagi walaupun kita menghadapi berbagai tentangan dari dalam dan luar negeri, masalah-masalah eksploitasi dari beberapa kejadian-kejadian yang merupakan sejarah di negara tetapi keamanan negara kita masih tetap utuh dan masih dikatakan paling stabil, sekurang-kurangnya di dalam negara-negara kumpulan negara ASEAN.

Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, syabas dan terima kasih kepada setiap agensi Kerajaan yang mengambil peranan penting yang telah mewujudkan kedamaian dan keamanan yang berada di negara kita. Kita mengucapkan tahniah juga kepada Pasukan Keselamatan kita—Tentera Laut, Darat dan Udara dan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Polis Di Raja Malaysia dituju khusus kepada Ketua Polis

Negara di atas sambutan Ulangtahun Polis Di Raja iaitu yang ke 179. Kita faham tanpa mereka ini, tanpa kepimpinan yang begitu arif dari pemimpin-pemimpin pemerintah BN kita, kita tidak akan menikmati atau mengecapi keamanan, kedamaian, kestabilan yang ada.

Namun beigtu, Tuan Yang di-Pertua, masih kita hadapi lagi beberapa perkara-perkara yang perlu kita perhatikan, yang perlu Pasukan-pasukan Keselamatan kita mengambil berat iaitu beberapa perkara yang saya ingin sebutkan. Pertama, kepada Pasukan Keselamatan di darat. Kita dapati akhir-akhir ini negara kita telah muncul satu kejadian, satu insiden yang sudah popular iaitu mengenai rompak nekad, samun terhormat dan juga ragut, rogol serta peras-ugut dan juga beberapa kejadian-kejadian kidnap dan lain-lainnya. Sesungguhnya apabila membangun negara kita, pesat kemajuannya, maka rupa-rupanya mereka juga turut membangun, turut pesat menjalankan kegiatannya. Kegiatan-kegiatan jenayah ini, Tuan Yang di-Pertua, persis seolah-olah seperti ala filem-filem yang ditayangkan di pawagam-pawagam, di TV dan juga di video-video. Kita boleh lihat sekarang perompak-perompak yang seolah-olah sama seperti berlaku di dalam cerita siri "A-Team" umpamanya, siri-siri "T.J. Hooker", "Macguyver" dan lain-lainnya. Maka kita harap pihak Polis kita juga akan mewujudkan Macguyvernya, akan mewujudkan Mr Jamesnya dan akan mewujudkan hero-heronya bagi menentang teknik dan taktik perompak, penyamun, peragut dan juga peras-ugut yang menjadi-jadi di Malaysia ini terutama di bandar-bandar besar. Purata, Tuan Yang di-Pertua, setelah kita buat kajian sepintas lalu, tidak kurang 10 kejadian berlaku cerita rompak, samun sama ada secara nekad atau secara terhormat ataupun secara cara lain yang sebenarnya sudah mula menakutkan

rakyat ramai, terutama di kediaman-kediaman mewah, Tuan Yang di-Pertua. Kita amat mengharapkan kalau siri TV itu menarik perhatian, biarlah kita juga mengambil ikhtibar daripada kejadian, kalau jahat, jahat balasnya dan kalau melakukan sesuatu yang tidak sihat maka tidak sihat jugalah pengakhirannya.

Tuan Yang di-Pertua, tentunya negara kita tidak akan damai, tidak akan selamat, tidak akan tenteram, tidak akan stabil sekiranya rakyatnya tidak sihat. Menyentuh perkara kesihatan, Tuan Yang di-Pertua, kita rasa banyak perkara telah disentuh oleh sahabat saya melalui peranan Kementerian Kesihatan. Saya ingin menyentuh dan menambah, menyokong kepada perkara-perkara yang dibawa oleh sahabat-sahabat saya khusus mengenai Klinik Mengandung.

Tuan Yang di-Pertua, Klinik ini mempunyai fungsi yang amat mustahak dan penting. Bahawa di situlah bermulanya nanti produktiviti kelahiran generasi-generasi yang akan mewarisi, yang akan menjadi rakyat di negara kita ini. Kita dapati, satu contoh, Klinik Mengandung di Hospital Besar Kuala Lumpur, kerana saya juga adalah salah seorang Lembaga Penasihat Hospital berkenaan, didapati terlalu sibuk, terlalu sempit dan terlalu tidak teratur cara-cara pengendaliannya. Kita juga dengar rungutan-rungutan di akhbar-akhbar di mana hospital-hospital lain dalam negara kita juga menghadapi keadaan yang sama. Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan begitu membangun, teknologi moden yang sudah cukup lengkap, kita rasa perkara ini paling mudah diatasi.

Seperkara lagi timbul baru-baru ini rungutan-rungutan, seorang sahabat telah membawakan perkara ini kepada saya mengenai betapa buruknya keadaan Rumah Mayat di Hospital Besar Pulau Pinang. Kita harap pihak

Kementerian yang berkenaan akan segera mengambil perhatian, akan segera menjalankan tindakan mengatasi perkara-perkara berkenaan. Walaupun bunyinya kecil, Tuan Yang di-Pertua, tetapi menyentuh naluri dan menyentuh perasaan rakyat ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ekonomi, kita mengucapkan terima kasih dan tahniah di atas perancangan yang dipaparkan dalam Rancangan Malaysia Kelima di mana perkara yang dinanti-nantikan oleh rakyat, perkara yang memang menjadi satu rungutan kepada rakyat ramai termasuk juga kakitangan Kerajaan yang bergaji rendah ialah mengenai ketiadaan perumahan. Perumahan yang dirancang dengan tulisan harganya murah sebenarnya tidak murah. Perancangan rumah-rumah yang dikatakan harga sederhana tetapi bukan sederhana, malahan lebih tinggi daripada harga tinggi. Syukur kita dengan rancangan pengwujudan 80,000 unit rumah kos rendah yang akan dimulakan dari 1986 hingga 1988. Kita mengharapkan pelaksanaan dasar ini.

Sesungguhnya kita tidak pernah khuatir, kita tidak pernah bimbang dari segi dasar. Dasar memang cantik, memang molek, ibarat gadis ayu yang penuh lengkap dengan sifat-sifat kecantikan, kecergasan dan juga kepantasan, malangnya apabila sampai kepada perkara atau titi yang bernama pelaksanaan, di sinilah berlaku beberapa kelembapan, penyelewengan dan juga penyalahgunaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap rumah kos rendah 80,000 unit ini nanti benar-benar akan dinikmati oleh mereka yang berpendapatan rendah, bukan mereka yang mengakui berpendapatan rendah tetapi punya rumah 1,000 buah. Kita harap perkara-perkara lain juga dalam Rancangan Malaysia Kelima yang bersabit terus rakyat ramai, terutama mereka yang berpendapatan rendah ini diambil

perhatian berat. Bila ada rasa tidak puas hati, tidak senang di hati dan bila mereka merasa bahawa mereka itu didiskriminasikan, maka tentulah timbul perkara-perkara yang sukar pula kita hendak menyelesaikan apabila sampai masa kita menghendaki khidmat mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai masalah pengangguran, suka juga saya menyentuh sedikit yang juga dipaparkan dalam Titah Ucapan Di Raja. Sesungguhnya seolah-olah sebagai satu trend wujud pada ketika ini. Orang-orang atau rakyat, belia-belia daripada warganegara Malaysia pilih kerja, tidak mahu, dengan izin, blue collar, ingin white collar. Maka sesungguhnya setelah kita kaji-siasat, kita dapati perkara ini tidak 100% betul. Ianya seolah-olah sengaja dieksploitkan oleh satu sindiket, satu kumpulan, satu golongan dengan tujuan membolehkan mereka mengimport pekerja-pekerja dari luar, pendatang-pendatang luar untuk diberi bekerja di tempat binaan, penswastaaan, perkilangan, pembuatan dan lain-lainnya kerana pendatang-pendatang ini boleh dibayar mengikut suka hati, suka rasa, Tuan Yang di-Pertua. Kita harap pengawalan kepada perkara yang sedemikian dapat dibuat oleh Kerajaan kita.

Pertentukan dahulu. Umpamanya, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Pertentukan dahulu mereka yang mendaftarkan itu sungguh atau tidak sungguh memilih kerja dan tak mahu diberi kerja. Saya sendiri pernah membuat kajian menginterview berpuluh-puluh belia menganggur daripada pelajaran rendah. Mereka rela tetapi mereka tidak dapat peluang kerana semua tempat, hampir ke semua tempat binaan-binaan perkilangan dan juga penswastaaan dari segi pembinaan bangunan, jalanraya dan lain-lainnya diisi oleh mereka yang bukan warganegara. Yang ada dapat kebenaran, yang ada tidak dapat kebenaran, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian menyentuh satu lagi mengenai kelesuan ekonomi. Kita amat bersyukur di atas tindakan Kerajaan yang nampaknya mendapat sambutan dari Kerajaan Negeri iaitu memberhentikan atau menangguhkan projek-projek mewah. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, masih ada negeri-negeri yang merasa bahawa projek mewahnya yang betul mewah dikatakan tidak mewah kerana ego dan impiannya ingin melihat Kerajaan Negerinya dengan bangunan tersergam dan dengan projek-projek mewah yang dirasakannya sebagai satu kemajuan kepada pentadbiran negeri itu sendiri, walaupun ini tidak sejajar dengan keadaan kemelesetan ekonomi di negara kita.

Kita harap ini juga dapat kita terus awasi supaya benar-benar projek yang tidak berguna kepada rakyat ramai, yang tidak memberi faedah kepada negara dalam keadaan kemerosotan ekonomi ini betul-betul ditangguh, Tuan Yang di-Pertua.

Seperkara lagi menyentuh tentang penyertaan usahawan-usahawan bumiputera dalam perdagangan dan sektor perindustrian di negara kita. Semalam saya mendengar seorang sahabat menyebutkan perkara-perkara diskriminasi antara kaum dalam masalah pemberian rezeki ini atau dalam masalah mencaturkan ketinggian ekonomi di satu-satu kaum, seolah-olah sahabat saya itu menyatakan bahawa kita banyak benar memberikan peluang kepada bumiputera. Sesungguhnya hanya mereka yang tidak memahami Dasar Ekonomi Baru dan keadaan yang berlaku di negara kita, sejarah perekonomian di negara kita, perkembangan kebudayaan dan kaum di negara kita sahaja yang boleh merasakan demikian, Tuan Yang di-Pertua.

Kita perhatikan sahaja. Katalah di lapangan perusahaan. Satu contoh yang nyata iaitu dalam usahawan

percetakan. Tahukah, Tuan Yang di-Pertua, berapa ramai usahawan-usahawan bumiputera dalam lapangan percetakan dan penerbitan gulung tikar, mengeluh dan sedang termenung mencari peluang-peluang lain pada hari ini kerana mereka telah tidak dapat peluang-peluang untuk menjalankan usahanya kerana tidak dapat projek, tidak dapat kerja. Apa yang menyedihkan mereka cuba dengan sedaya-upaya bersaing dengan usahawan-usahawan percetakan lainnya yang telah maju dan yang bukan dari bumiputera, umpamanya yang melalui tender terbuka tetapi mereka gagal kerana ada perkara lain, Tuan Yang di-Pertua, usahawan bumiputera dalam bidang percetakan ini tidak sanggup bersaing. Malang bagi saya mungkin tidak sedap menyebutkannya, tetapi ini juga merupakan satu diskriminasi dari segi pemberian rezeki dan peluang kepada projek-projek percetakan.

Agensi-agensi Kerajaan sendiri seolah-olah tidak berminat hendak memberikan peluang-peluang ini kepada percetakan bumiputera, kepada penerbitan bumiputera. Ini melalui pengalaman dan melalui kajian-kajian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Senator Dato Kamaruzaman juga telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai satu lagi ancaman kepada negara kita iaitu ancaman penyalahgunaan dadah atau kita sebut sekarang ini supaya kita tidak lagi mahu mengistilahkan salahguna dadah itu, kita sebut terus kepada penggunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah disebut mengenai hal dadah. Sesungguhnya saya juga turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan, agensi-agensi Kerajaan, badan-badan sukarela terutamanya PEMADAM yang telah mengambil bahagian cergas di dalam membasmi masalah dadah di negara kita ini bukan sahaja dalam masalah

pencegahannya, tetapi juga dalam masalah pemulihannya.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita agak reda

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Puan Aion binti Ariffin: Mengenai penyalahgunaan dadah atau penggunaan dadah, kita sebenarnya telah mengetahui bahawa ada redanya dari masalah penagihan, tetapi kita menghadapi lagi satu masalah yang boleh dikatakan sama besarnya dengan penagihan iaitu penagihan semula. Berjuta-juta ringgit Kerajaan dan juga badan-badan sukarela, umpamanya PEMADAM telah membelanjakan wang bagi memulihkan penagih-penagih di kalangan rakyat di Malaysia ini yang terdiri daripada muda-mudi kita kebanyakannya dan daripada mereka yang telah dipulihkan ini, Tuan Yang di-Pertua, didapati hampir 75% kembali menagih semula.

Setelah dikaji oleh pihak Kerajaan dan oleh pihak badan-badan sukarela yang berminat dalam lapangan ini, umpamanya, PEMADAM kita dapati faktor-faktor terpenting menyebabkan mereka ini menagih semula ialah tidak adanya rasa perhatian, tidak adanya rasa persefahaman dan tidak ada apa-apa susulan kepada bekas-bekas penagih berkenaan. Apabila mereka telah dipulihkan, mereka terlontal-lonta dalam masyarakat, meraba-raba untuk mengintegrate, dengan izin, untuk melibatkan semula dirinya dengan masyarakat yang sekian lama terpisah darinya. Kebanyakan mereka ini apabila kembali kepada masyarakat telah kehilangan pedoman semula, apabila mereka tidak ada pekerjaan, tidak ada apa-apa unsur untuk mencari kehidupan dan perkara-perkara yang sama dengannya.

Maka sukacitalah disyorkan iaitu kalau kita ingin supaya wang berjuta-juta ringgit yang kita habiskan untuk memulihkan mereka ini tidak hilang begitu sahaja, mereka kembali menagih dan menjadi masalah semula kepada negara kita, maka hendaklah tugas-tugas susulan ataupun usaha-usaha dalam lapangan seliaan lanjutan atau susulan lanjutan ini diperhebatkan.

Kita sedar bahawa pihak Kerajaan sudah merancang, pihak PEMADAM sudah merancang, tetapi ianya tidak pada, tidak cukup kalau tidak disertai oleh swasta dan juga oleh pihak-pihak masyarakat lain yang patut mengambil peranan sama terutama keluarga dan ibu bapa bekas penagih itu sendiri. Umpamanya, mereka ini telah terlatih dalam bidang-bidang yang tertentu. Rasanya bolehlah mereka ini diserapkan kepada rancangan FELCRA umpamanya atau kepada rancangan-rancangan tanah lainnya atau mereka juga diberikan peluang dalam kerja-kerja buruh kasar atau buruh mahir atau separuh mahir dengan memberikan quota-quota tertentu. Saya sebut quota, kalau tidak berquota mereka tidak ada peluang dapat kerja kerana diketahui mereka itu bekas penagih, maka ada satu stigma, ada satu perasaan atau gap, dengan izin, halangan kepada pihak berkenaan untuk menerima mereka walaupun mereka yang telah dipulihkan itu diberi akuan sudah pulih, sudah baik dan boleh dicuba. Kalau diberi quota 5%, 2%, 10% di tempat-tempat yang memerlukan tenaga-tenaga pekerjaan ini, sama ada dalam bidang buruh kasar, separuh mahir atau mahir kerana ada mereka ini yang mahir-mahir.

Kita percaya perkara ini dapat kita ringankan dan masalah ini dapat kita turunkan dan mungkin kita akan menjadi negara yang pertama di Tenggara Asia yang dapat membasmi masalah dadah ini dengan jangka masa

yang agak cepat dan positif hasilnya, dengan izin, keputusannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mewujudkan juga work brigade, dengan izin, iaitu kumpulan kerja kalaulah pihak-pihak swasta juga sanggup menerima dan sanggup bekerjasama dengan saranan-saranan ini iaitu melalui kumpulan-kumpulan kerja ini mereka ini dapat ditempatkan, dapat diberikan khidmat, saya percaya masalah ini akan berkurangan.

Kita mengucapkan terima kasih kepada semua media massa, terutama TV dan juga akhbar-akhbar yang memainkan peranan yang begitu baik dan begitu positif dalam masalah pembasmian dadah ini. Kita percaya saham mereka ada dalam meredakan atau mengurangkan perkara ancaman mengenai dadah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran di atas satu lagi skim yang telah dilaksanakan melalui ko-kurikulum di sekolah-sekolah iaitu pelajaran mengenai hal ehwal dadah secara tidak langsung dan satu lagi kegiatan melalui skim yang dinamakan skim lencana. Kita juga mengharapkan dalam pelajaran agama di sekolah-sekolah melalui Kementerian Pelajaran dapat juga disematkan dengan lebih mendalam iaitu terutamanya pelajaran Agama Islam, mengenai konsep keluarga Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kita yakin bahawa anak-anak yang seperti kain putih itu kalau kita didik dan kita corakkan nescaya kita akan dapat generasi yang benar-benar sayang, kasih kepada bangsa, tanahair dan agamanya. Dan kita yakin dengan pendidikan melalui konsep keluarga Islam yang merangkumi tanggungjawab suami, tanggungjawab isteri, tanggungjawab anak-anak kepada ibu bapa, kepada guru, kepada

pemimpin-pemimpin, negara, tanahair, kepada jiran-jiran tetangga dan rasa hormat menghormati di antara satu dengan lain, jujur, ikhlas, dan sentiasa suka berdikari, sifat suka menolong dan sifat tidak mementingkan diri serta tidak memandang rendah kepada kumpulan yang lain, sentiasa bekerjasama, bermuhibbah akan menghasilkan generasi Islam khasnya dan rakyat Malaysia amnya yang benar-benar berdisiplin dan benar-benar berguna kepada tanahair, bangsa dan agama. Tidak seperti sekarang ini kita menghadapi masalah betapa pelajar-pelajar kita di luar negeri telah banyak merunsingkan kita dalam kegiatan-kegiatan sosial mereka dan juga dalam kegiatan-kegiatan mereka apabila mereka memasuki kumpulan agama yang ada setengahnya telah berjaya memesongkan anak-anak kita ini menjadi seorang yang fanatik dalam hal-ehwal agama.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan perlu mengambil peranan dalam perkara-perkara yang disebutkan tadi iaitu menekankan pendidikan-pendidikan moral, pendidikan-pendidikan penerapan nilai Islam di kalangan belia-belia yang dianjurkan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang Persidangan PATA maka kita menghadapi juga beberapa keadaan-keadaan yang mungkin merunsingkan kita di mana sekarang kita sedang giat untuk mengatasinya. Satu daripadanya ialah dengan menangkap kutu-kutu rayau dan juga peminta-peminta sedekah professional, khasnya dalam bandar Kuala Lumpur ini dan amnya di bandar-bandar lain di negara kita, tetapi adakah tindakan ini kita hendak lakukan semata-mata kerana kita hendak menghadapi Persidangan PATA sahaja. Alangkah moleknnya kalau rancangan ini kita teruskan menjadi satu rancangan khas di

Kementerian Kebajikan Masyarakat umpamanya dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menolongnya iaitu supaya kutu-kutu rayau ini kita beri bimbingan, bukan tangkap, lepas PATA lepas kemudian nanti dia jadi lagi kutu rayau, kita bimbing mereka, kalau perlu dipanggil ibu bapa mereka diberi brainwash, dengan izin, diberikan satu bimbingan pendidikan dan juga tunjuk ajar supaya anak-anak ini tidak menjadi calon yang berpotensi untuk penagih dadah akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh sedikit Titah Ucapan Di Raja mengenai ajaran agama yang dipesongkan dan serentak dengan itu, ingin juga saya menyentuh Kertas Putih Kerajaan iaitu Peristiwa Memali. Banyak sudah diperkatakan, kita bersyukur kepada mass media lagi sekali kepada TV yang telah banyak menyiarkan penjelasan dan penerangan mengenai kekeliruan rakyat mengenai peristiwa ini di mana kita dengar pengakuan-pengakuan daripada seorang ketua mujahiddin itu sendiri daripada keluarga rapat kepada Ibrahim Libya sendiri umpamanya tetapi perkara ini masih dieksploitasi oleh satu-satu pihak dengan tujuan untuk memancing pengaruh dan untuk tujuan politik mereka. Kita harap Kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan kepada mereka yang melanggar tata susila undang-undang sama ada undang-undang Islam dan undang-undang negara kita ini dalam meneruskan usaha mereka untuk menghidupkan mengeksploitasikan Peristiwa Memali dan juga untuk terus menggunakan agama sebagai topeng kepada kepentingan golongan, kumpulan dalam mencapai cita-cita politik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sedikit menyentuh Kertas Putih BMF. Kita juga sudah mengetahui terutama sahabat-sahabat, rakan-rakan dalam

Parlimen sama ada Dewan Rakyat dan Dewan Negara perkara yang berkenaan. Boleh dikatakan keseluruhan rakyat sudah boleh mempertikaikan, sudah faham dan sudah tahu sedikit sebanyak mengenai apa yang dikatakan peristiwa BMF ini. Kita mengucapkan syukur lagi sekali. Kita berterima kasih kepada Kerajaan di atas kejujuran, keikhlasan Kerajaan, di atas niat baik dan kesungguhannya untuk membawa ke tengah penyamun-penyamun terhormat juga penyeleweng-penyeleweng negara yang boleh digelar penghianat kepada negara ini ke muka pengadilan. Kita harap bahawa usaha ini akan diteruskan. Kita juga menunggu-nunggu keputusan supaya yang bersalah akan menerima hukuman.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri berasa sedikit hairan atas eksploitasi yang telah dibuat terbit daripada Laporan Kajian Jawatankuasa Penyiasat Mengenai BMF ini. Kita sesungguhnya menghormati, saya sendiri menghormati di atas jasa baik Jawatankuasa ini yang telah dapat mengengahkan banyak perkara, yang telah dapat mendedahkan perkara-perkara tersebut. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malang sedikit rasanya kerana didapati ada selitan-selitan, sedutan-sedutan dan ada nampak kecenderungan-kecenderungan Jawatankuasa ini ingin menjadikan Laporan Jawatankuasanya itu sebagai satu publicity peribadi. Dan banyak perkara-perkara yang nampaknya disengaja-ngajakan yang tidak jelas dan keliru yang telah dibuat di dalam Laporan Akhir BMF ini. Apakah Jawatankuasa yang berkenaan ini telah terpengaruh, terpesona oleh pujian-pujian yang dilaung-laungkan oleh mereka yang ingin menjatuhkan Kerajaan, yang menentang Kerajaan lalu membuat beberapa spekulasi dalam laporannya? Atau adakah

mereka mempunyai satu-satu tujuan; orang kata "Ada udang di sebalik batu" (something behind the curtain) mengenai laporan ini? Kita dapati banyak perkara-perkara yang tidak jelas dipaparkan. Kita dengar para pemimpin kita yang begitu bersusah payah ingin menjaga negara ini dari segala aspek dikait-kaitkan.

Tuan Yang di-Pertua, berapalah berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Tentulah sekali Kerajaan tidak mahu melepaskan begitu sahaja perkara yang menjadi suatu sejarah hitam di negara kita ini tetapi tentulah kita tidak boleh terima kalau perkara ini hendak dieksploitasikan dengan tujuan hendak menjatuhkan sesuatu pemimpin atau kumpulan-kumpulan pemimpin yang sedang memerintah ketika ini. Dan kita hairan lagi parti-parti Pembangkang begitu ghairah memuji-muji kepada mereka yang telah menjalankan usaha dalam Jawatankuasa ini. Tan Sri Ahmad Noordin umpamanya telah dipuji, telah diberi tiga "Oskar" yang begitu tinggi nilainya di negara kita dan perkara-perkara yang dieksploitasikan ini telah menyebabkan rakyat ramai terkeliru dan seolah-olah sekarang kita berada di dalam dilema, "gajah ditembak tetapi pelanduk yang kena". Tuan Yang di-Pertua, ini bermaksud kita hendak mencari sesuatu yang boleh menyelamatkan kejadian buruk dan menghukum mereka yang benar-benar menyelewengkan apa yang telah berlaku di BMF. Tetapi kita tidak berniat hendak mengaitkan sesiapa lain yang tidak berdosa dan kita tidak mahu perkara ini dijadikan sebagai satu batu loncatan atau menanggung di air keruh, bagi golongan-golongan tertentu untuk menjadikannya senjata politik khususnya untuk menghadapi pilihanraya yang mungkin tidak lama lagi tiba.

Kita kesal, kita kesal setelah kita puji Jawatankuasa Penyiasat kejadian BMF

ini. Kita kesal di atas niat mereka yang kita ragukan. Apakah benar mereka jujur untuk menjelaskan, untuk memaparkan, mendedahkan perkara yang sebenarnya berlaku atau mereka juga terpengaruh oleh unsur-unsur rasuah di atas tindak-tanduk atau di atas tugas semasa mereka menjalankan tanggungjawab ini. Amat malang bagi kita, rakyat keliru lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyeru supaya pihak media massa khususnya Kerajaan menangkis segala unsur-unsur yang tidak sihat ini supaya rakyat tidak terkeliru lagi dan supaya tidaklah kita menjadi seperti kata pepatah, "malang pak kaduk ayamnya menang tetapi kampung pula tergadai". Tuan Yang di-Pertua, kita harap juga perkara ini akan dapat diatasi dengan kebijaksanaan pada pemimpin Kerajaan kita.

Menyentuh mengenai CUEPACS. Tuan Yang di-Pertua, kita menyeru, saya sendiri menyerukan supaya pihak CUEPACS berfikirilah sedikit secara kenegaraan. Negara kita sedang sakit, sedang lesu, sedang lemah menghadapi tekanan ekonomi, bukan negara kita sahaja tetapi seluruh dunia. Usaha dilaung-laungkan lagi tuntutan-tuntutan yang kebanyakannya menyakitkan kaum-kaum lain, puak-puak lain yang pendapatannya juga masih rendah. Nelayan umpamanya, pekerja-pekerja di estet-estet umpamanya, petani-petani umpamanya, pekilang-pekilang, yang bekerja di swasta-swasta kecil umpamanya. Marilah kita beri sedikit khidmat kepada mereka dengan mengendurkan ketegangan ini dengan tidak mengikut hanya kehendak ataupun kepentingan kumpulan kita sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga akhir-akhir ini mendengar betapa masalah keselamatan di sempadan tidak menyeronokkan kita. Kita rasa risau dan bimbang bahawa pencerobohan Vietnam di Kampuchea dan yang menyebabkan beberapa

rakyat Thailand, negara ASEAN, sahabat ASEAN kita telah menjadi korban benar-benar merisaukan kita. Kita tahu bahawa sekarang musuh-musuh ini sudah melampaui batas dan sudah mula berani mengetuk sempadan. Tuan Yang di-Pertua, kita juga rasa bimbang kalau-kalau peristiwa kemaraan Jepun di tahun 40an dahulu berlaku pula di atas kejadian-kejadian ini. Kita harap negara-negara ASEAN akan bersatu teguh dan Kerajaan kita akan terus memainkan peranan bagi mengatasi masalah yang mungkin akan mengetuk batang hidung rakyat Malaysia sendiri.

Mengenai politik Sabah, Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan parti-parti politik di Sabah terutama yang sudah berkuasa, yang pernah berkuasa baru-baru ini yang hingga menimbulkan huru-hara ini, dapat memikirkan kepentingan rakyat lebih penting daripada kepentingan parti dan juga kerusi-kerusi masing-masing. Kita percaya, saya percaya kalau formula yang diusulkan oleh Perdana Menteri itu tidak dapat diselaraskan, tidak dapat diterima, tidak dapat disambung perundingannya maka kemungkinan beberapa rasa tidak puas hati, beberapa peristiwa yang tidak diingini berlaku lagi sebab rakyat sudah bijak berfikir, sudah tahu tanggungjawabnya, sudah tidak boleh mendiamkan diri lagi kalau mereka itu diperkecil-kecilkan haknya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin juga menyentuh mengenai masalah pengangguran dan sedikit cara yang dirasakan boleh mengatasi masalah pengangguran di kalangan para-para terpelajar (professional). Saya rasa dari angka yang diberikan nyata banyak pelajar-pelajar atau intelektual kita dalam negara kita ini yang masih menganggur, bukan mereka memilih kerja atau tidak lagi ditawarkan kerja tetapi tidak ada kerja.

Rasanya baik kalau dapat difikirkan syor yang saya ingin nyatakan, iaitu kalaulah dapat mereka yang profesional ini diberikan satu peluang khas di swasta-swasta, dengan izin, diberi nama "Youth Opportunity Scheme" di mana para profesional ini ditempatkan di swasta-swasta dalam bidang masing-masing dan elauannya dibayar oleh Kerajaan, tetapi lain-lain pembayaran untuk "over-head cost", dengan izin, kosnya dibayar oleh pihak swasta, terutama kepada pihak-pihak swasta yang mendapat taraf perintis dan setelah setahun kemudian, khidmat mereka dinilai, didapati mereka bagus, diterapkan terus di swasta berkenaan, mungkin ini akan dapat mengurangkan pengangguran di kalangan para-para profesional atau para-para terpelajar anak negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali dengan rasa bangga dan dengan rasa syukur menyokong usul yang dikemukakan, iaitu usul mempersembahkan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Di Raja Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah diusulkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Pandithan.

4.51 ptg.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberi bagi menyampaikan sepatah dua kata. Saya sungguh tertarik hati dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Keenam pada 10hb Mac, 1986 lalu. Kandungan Titah Baginda itu mempunyai beberapa tunjuk cara dan garis panduan serta nasihat yang harus dipatuhi oleh pihak pentadbir negara kita serta rakyat jelata. Baginda juga telah memberi gambaran yang

jelas tentang keadaan ekonomi, politik, sosial dan keadaan negara secara umum.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda pada awal-awal lagi telah menganggap betapa pentingnya tahun 1986 ini kerana ia adalah merupakan tahun permulaan bagi Rancangan Malaysia Kelima. Rakyat Malaysia menaruh penuh yakin terhadap Rancangan Malaysia Kelima ini, mereka merasakan yang Rancangan Malaysia Kelima ini akan dapat membetulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang di kalangan berbagai kaum dan membasmi kemiskinan di kedua-dua kawasan, bandar dan luar bandar.

Malaysia ada kaya dengan sumber alam. Tuhan telah mencurahkan kemurahannya di tanahair kita. Kita perlu menumpukan lebih perhatian di lapangan pertanian. Adalah menyedihkan yang kita masih mengimport bahan makanan dari luar negeri. Kita juga telah membelanjakan wang yang banyak untuk mengimport bahan makanan dari luar negeri. Kita juga telah membelanjakan wang yang banyak untuk mengimport buah-buahan sedangkan negeri ini mempunyai tanah yang subur dengan taburan hujan yang cukup banyak. Pernahkah kita cuba berusaha untuk menanam epal, anggur dan oren di Tanah Tinggi Cameron, Bukit Fraser dan di kawasan sejuk yang lain? Apakah ahli sains kita tidak berkebolehan? Apakah tindakan Kerajaan? Kita mahu menuju ke arah pemikiran untuk menampung keperluan sendiri dan juga penanaman padi, buah-buahan dan tanaman-tanaman lain untuk eksport. Kerajaan hendaklah membuka lebih banyak tanah pertanian untuk diusahakan, berilah tanah kepada rakyat sama ada Melayu, Cina atau India. Mereka semua adalah anak watan negara ini.

Dalam tahun 1986, terutamanya apabila dunia mengalami kesulitan

ekonomi yang buruk, negara kita menghadapi banyak cabaran. Para perancang ekonomi hendaklah waspada dalam merancang strategi untuk menyelamatkan keadaan. Pihak Kerajaan hendaklah menunjukkan contoh yang baik dan tidak membazir, ianya hendaklah mengurangkan perbelanjaan yang tidak penting dan dianggap pemborosan. Setiap sen yang dibelanjakan oleh Kerajaan hendaklah memberi faedah kepada rakyat dan negara. Kerajaan tidak mampu membelanjakan wang untuk projek dan perancangan yang mewah. Semasa Kerajaan terus berjimat-cermat dan berhati-hati dalam menguruskan ekonomi negara, janganlah pula Kerajaan memberhentikan projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar, kampung-kampung dan di ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu memberitahu di Dewan ini penduduk di ladang-ladang adalah terlalu jauh ketinggalan dalam menikmati hasil negara dan hak yang saksama dalam ekonomi negara yang selama ini mereka telah usahakan bersama. Dengan sedihnya saya katakan, jika ditanya buruh-buruh yang bekerja di ladang, mereka menyatakan bahawa mereka menikmati hidup yang lebih baik sebelum merdeka. Kehidupan sekarang adalah sukar dalam memperolehi pendapatan dan lain-lain kemudahan hidup. Kehidupan di sebuah ladang adalah sangat dahsyat, tidak ada rumah yang sempurna, tidak ada air paip, tidak ada bekalan elektrik, tidak ada jalan yang teratur, tiada kemudahan kesihatan dan kebajikan dan tidak ada sekolah yang lengkap. Sesungguhnya ladang bukan sahaja menghasilkan getah dan kelapa sawit, tetapi turut menghasilkan kaum buruh. Kita hanya menolong anak-anak buruh menjadi seorang buruh, sepatutnya kita haruslah membentuk mereka supaya menjadi pemimpin-pemimpin di masa akan datang. Inilah kesalahan yang amat besar dilakukan di bumi kita.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan di semua peringkat hendaklah dibasmikan. Kita telah melihat Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat, kita tidak mencapai hasil yang diidamkan untuk membasmi kemiskinan. Saya tidak percaya yang kita tidak dapat membasmi kemiskinan di negara yang dicintai ini di mana tuhan telah memberi segala bahan yang diperlukan untuk kita terus membangun sebagai salah sebuah negara yang kaya dan kuat di dunia.

Saya ingin membacakan terjemahan kuntum-kuntum puisi dari sajak Tamil yang terkenal, yang bermaksud:

“Oh Tuhan, mengapakah dikau tidak mengajar seorang memasak batu dan pasir untuk dimakan. Jika Tuhan mengajar kita makan batu dan pasir, tidak akan wujud kemiskinan.”

Adalah tugas Kerajaan memastikan tidak akan ada sesiapa pun yang berbuat demikian. Adalah tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan tidak ada yang akan kelaparan dan hidup dalam kepapaan.

Di sini saya ingin memetik sekali lagi keratan-keratan puisi dari sajak Tamil yang terkenal:

“Jika seorang tidak dapat makanan, marilah kita memusnahkan dunia ini.”

Ini hendaklah menjadi konsep Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mestilah memastikan yang Rancangan Malaysia Kelima akan dapat membasmi kemiskinan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dalam mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru. Masyarakat patutlah disusun semula untuk membetulkan ekonomi yang tidak seimbang di kalangan kumpulan bangsa berkanun agar tidak ada yang merasa ketidakadilan berlaku ke atas

mereka, tidak akan ada yang merasa diri mereka ketinggalan, tidak akan ada yang merasakan diri mereka diketepikan dari mendapat hak yang sama agar tidak ada yang merasa diri mereka dilayan sebagai warganegara kelas dua. Pemikiran negatif ini akan melahirkan rasa benci dan iri hati di kalangan rakyat. Ini akan sangat membahayakan negara.

Pada dasarnya taraf hidup semua kaum hendaklah ditingkatkan. Orang-orang Melayu telah dapat menikmati layanan istimewa, pertolongan dan bantuan dalam semua bidang, tetapi ini semua tidak bermakna yang kaum Cina dan India akan hilang peluang mereka. Kaum Cina dan India tidak patut merasakan yang peluang mereka telah dihilangkan.

Masanya sudah tiba bagi pemimpin-pemimpin kita berfikir dalam konteks masyarakat Malaysia. Walaupun setelah 30 tahun merdeka terlalu sedikit malah tiada langsung usaha dibuat untuk membentuk masyarakat Malaysia. Saya ingin mengibaratkan Melayu sebagai daun sirih, China sebagai gambir dan India sebagai kapur, apabila ketiga-tiganya ditumbuk akan menjadi merah. Apabila salah satu ditinggalkan warna merah itu tidak akan wujud, jadi Melayu, China dan India hendaklah bekerjasama untuk membentuk masyarakat Malaysia supaya kita dijadikan contoh satu masyarakat yang baik di dunia ini.

Saya pun berdoa kepada Tuhan supaya sebelum saya mati agar saya dapat melihat orang Melayu memanggil diri mereka Malaysian, orang China memanggil diri mereka Malaysian, orang India memanggil diri mereka Malaysian, orang Kadazan memanggil diri mereka Malaysian dan orang Iban memanggil diri mereka Malaysian. Kesemua anak tanah air kita memanggil diri mereka Malaysian. Oh Tuhan, bilakah hari ini akan tiba!

Di Media Massa terutama di TV ada pemimpin-pemimpin Kerajaan, pemimpin-pemimpin parti politik mementingkan konsep masyarakat Malaysia, sebaliknya mereka membantu memecah-belahkan kaum dengan memberi penekanan yang lebih terhadap kaumnya sendiri. Sepatutnya pemimpin Kerajaan haruslah mengurangkan kepentingan kaum dan lebih banyak menekankan kepada pembentukan sebuah masyarakat Malaysia supaya kanak-kanak dan belia di tanah air kita akan mula mengenal diri mereka sebagai masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, demi kemajuan negara, keamanan dan keharmonian di kalangan berbagai kaum adalah penting kerana masyarakat kita tersendiri daripada berbilang kaum. Berhubung damai dan harmoni di kalangan berbagai kaum akan membawa kestabilan politik. Kestabilan politik akan menarik pelabur asing. Pelabur asing akan membawa kemajuan ekonomi, kemajuan ekonomi akan membawa kemakmuran, kemakmuran akan membawa kelahiran, kebahagiaan akan membawa keamanan dan keharmonian. Jadi keamanan dan keharmonian di kalangan rakyat adalah punca bagi segala-galanya. Kerajaan hendaklah mencari jalan dan cara untuk meningkatkan persefahaman di antara berbagai kaum supaya kita dapat keamanan dan keharmonian. Kita mempunyai kestabilan politik, kita ada pelabur asing, kita mempunyai kemajuan ekonomi, kita mempunyai kemakmuran, kita mempunyai kebahagiaan bukan sahaja di Semenanjung Malaysia tetapi juga di Sabah dan Sarawak.

Keadaan semasa di Sabah adalah bahaya bagi politik Malaysia. Kerajaan hendaklah mengambil langkah segera bagi memulihkan keadaan di negeri itu. Kita semua menghargai formula

keamanan yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita yang dikasihi. Kita berharap semua parti dan orang-orang berkenaan akan mencapai kata sepakat dan bekerja bersama-sama untuk memelihara undang-undang dan peraturan serta menyelamatkan demokrasi negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia sama-sama merasa bimbang dan sedih mengenai perpecahan pentadbiran 2M. Negara kita yang kuat dengan pentadbiran 2M telah membawa banyak faedah kepada negara dan rakyat. Mereka adalah merupakan sepasang mata kepada negara kita. Kedua-dua belah mata adalah mustahak. Rakyat Malaysia tidak bersedia untuk menerima kehilangan salah satu dari mata tersebut. Kita berdoa pada Tuhan agar membawa kedua-dua pemimpin itu bersatu dan memelihara pentadbiran 2M supaya tidak merugikan demi kepentingan rakyat dan demi kepentingan negara, saya berharap kedua-dua pemimpin akan bersatu semula, berpadu tenaga menerajui kepimpinan negara. Saya berharap Tuhan akan menemui doa kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa negara kita masih menghadapi masalah penagihan dadah yang serius di kalangan belia kita. Kita semua mestilah berpadu tenaga untuk membasmi ancaman dadah di dalam masyarakat kita. Betapa pun usaha yang dijalankan atau apa bentuk undang-undang pun tidak akan berkesan selagi penagih dadah sendiri itu tidak insaf dan bertukar kepada kehidupan yang lebih baik dalam masyarakat sebagai warganegara yang berguna.

Untuk membuat penagih berfikiran yang perbuatan mereka itu adalah salah, Kerajaan hendaklah mengubah

strategi dan pendekatan-pendekatannya. Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedih menyatakan di Dewan ini, ada seorang penagih dadah yang telah berubah dan ingin hidup seperti biasa dan membuka sebuah kedai penjaja kecil teh. Pihak berkuasa Tempatan telah datang dan tanpa belas kasihan telah memusnahkan kedai penjaja kecil itu. Percubaannya untuk mendapat lesen penjaja kecil tersebut telah gagal, jadi dia kembali kepada dadah semula. Mereka telah berubah dan menerima penghargaan, pertolongan dan bantuan Kerajaan, mereka hendaklah diasuh dengan baik dalam masyarakat supaya mereka dapat penghormatan. Saya ingin menunjukkan satu lagi kes di mana seorang belia yang telah belajar sehingga SPM. Beliau memiliki Kad Pengenalan Merah. Beliau telah memohon Kad Pengenalan Biru bagi membolehkan beliau mendapat kerja. Beliau tidak berjaya mendapat Kad Pengenalan Biru semata-mata kerana beliau telah melakukan untuk mendapat Kad Pengenalan Biru, tetapi gagal. Kehidupan menjadi bertambah siksa, lalu beliau menjadi seorang penagih. Siapakah yang harus disalahkan dalam kes ini? Adakah beliau patut dihukum atas kesalahan kecilnya yang telah dilakukannya semasa beliau belum lagi dapat membezakan antara penghidupan dan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, kewarganegaraan hendaklah menjadi hak seseorang. Janganlah ada orang yang layak menjadi warganegara dinafikan kewarganegaraannya kerana kewarganegaraan merupakan tonggak kekuatan di negara ini. Ramai yang telah memohon kewarganegaraan lebih dari 10 atau 20 tahun masih belum mendapat kewarganegaraan mereka. Ramai orang-orang tua yang gagal ujian Bahasa Malaysia telah hilang peluangnya untuk menjadi warganegara. Di manakah terletaknya keadilan? Bagaimana kita boleh

menguji pengetahuan seseorang bila kita tidak ada pelajaran wajib di negara ini. Kerajaan patutlah memberi kewarganegaraan kepada semua penduduk yang telah menetap di Malaysia lebih dari 10 tahun. Jika tidak, penghidupan mereka akan menjadi sukar dan kemungkinan akan terpengaruh kepada dadah dan lain-lain aktiviti yang tidak diingini.

Dalam keadaan ekonomi sekarang di mana banyak pekerja-pekerja telah diberhentikan, Kerajaan hendaklah memerhatikan lebih dekat supaya mereka ini tidak mengalami kesusahan hidup dan jatuh ke dalam kancah dadah. Kerajaan hendaklah menolong mereka untuk mendapatkan pekerjaan gantian. Ada di antara mereka sungguh memerlukan pertolongan dari Kerajaan untuk menjalankan perusahaan kecil. Kerajaan hendaklah memberi tanah secara berkelompok dan juga bagi peluang di Rancangan FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, perkauman dan pelampau agama adalah ancaman yang lebih dahsyat dari ancaman komunis. Perkauman dan pelampau agama boleh menghancurkan negara kita. Ada orang-orang terutama golongan ahli politik yang tidak bertanggungjawab menggunakan agama, kaum dan kebudayaan bagi kepentingan diri mereka. Pelampau dalam bentuk apa pun perlu diperhatikan. Kerajaan mestilah berani mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pelampau. Apa yang menyedihkan ialah adalah pelampau kaum dan agama di jabatan-jabatan Kerajaan. Kerajaan haruslah mengenali mereka dan mengambil tindakan yang sewajarnya sebelum mereka merosakkan nama baik Kerajaan dan negara.

Orang-orang di Jabatan Kerajaan hendaklah sentiasa menunjukkan contoh yang baik. Mereka mestilah berbaik-baik dan menolong orang ramai. Sebahagian kakitangan

Kerajaan termasuk pegawai tinggi berlagak sebagai tuan-tuan dan bukan sebagai berkhidmat kepada orang ramai. Orang ramai mengharapkan perkhidmatan dan tatatertib sebagai peraturan tertinggi jabatan; mereka mempunyai hak kerana mereka adalah pembayar cukai. Dari cukai yang mereka bayar menjadi gaji kepada kakitangan Kerajaan untuk menanggung dirinya dan keluarga mereka. Tugas mereka adalah untuk Kerajaan. Orang ramai mestilah berproduktif. Adalah lebih baik Kerajaan memperkenalkan peti pengaduan di semua Jabatan Kerajaan supaya orang ramai boleh membuat aduan kepada pegawai atasan mengenai kakitangan Kerajaan yang kasar dan tidak mahu melayan. Pegawai atasan Kerajaan boleh menyiasat bersabit dengan aduan tersebut dan mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya. Kerajaan hendaklah memberikan makna yang lebih terhadap slogan "Bersih, Cekap dan Amanah".

Buat masa sekarang, sekiranya orang ramai menulis surat ke mana-mana Jabatan Kerajaan, mereka tidak langsung menerima sebarang akuan terima atau jawapan. Semasa pemerintahan British, apabila orang ramai menulis surat kepada Kerajaan British, mereka akan mendapat akuan terima diikuti dengan jawapan. Tetapi sekarang ini segala surat yang dihantar kepada jabatan-jabatan Kerajaan tiadalah siapa yang tahu apa yang terjadi pada surat itu. Orang ramai pasti ingin mengetahui apa yang terjadi kepada surat-surat mereka. Saya ingin menyeru Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan semua Jabatan Kerajaan memberi akuan terima dengan segera. Saya mengulangi dengan segera, setiap surat yang diterima dari orang ramai dan diikuti dengan jawapan. Kerajaan mempunyai tugas dan tanggungjawab kepada orang awam kerana ini adalah Kerajaan untuk rakyat oleh rakyat.

Malaysia berjaya dan abadi. Sekian, terima kasih.

5.20 ptg.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun pada petang ini untuk memberikan pandangan-pandangan saya terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Adalah sukar untuk saya membuat satu ucapan tanpa menyentuh isu BMF dan peristiwa Memali. Banyak telah dicakap dan ditulis mengenai isu BMF. Kita boleh mengambil pendirian yang beremosi atau rasional. Kita juga boleh memberi pandangan yang positif ataupun negatif.

Satu perkara yang menarik mengenai isu ini adalah pendirian dan pandangan yang berlainan yang diambil oleh berbagai golongan. Ada pihak yang mengambil kesempatan ini untuk mengkritik Kerajaan kita. Mereka rasa bahawa isu BMF ini adalah tanggungjawab Kerajaan sepenuhnya dan tidak mengambil kira kesan-kesan buruk terhadap Kerajaan akibat daripada publisiti negatif mengenai isu BMF. Mereka hanya suka mengecam nama baik Kerajaan kita demi untuk mendapat publisiti bagi diri mereka dan keuntungan politik sahaja. Golongan ini menggunakan proses demokrasi untuk kepentingan mereka. Komen-komen mereka ini adalah penuh dengan prasangka dan tidak bernilai.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kumpulan ialah yang benar-benar merasai masalah BMF dan kesan-kesannya terhadap ekonomi dan negara. Mereka ini merasa bahawa tindakan tegas perlu diambil terhadap penjenayah-penjenayah yang terlibat dengan isu BMF. Mereka ini bukanlah anti Kerajaan, malahan mereka ini adalah warganegara yang betul-betul mencintai negara. Kita mestilah berbangga dengan mereka dan

menentukan bahawa kritikan membina mereka ini diberi perhatian yang wajar dan perlu memberi keterangan yang munasabah kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan Barisan Nasional kita adalah matang, mampu dan kuat untuk menerima pandangan-pandangan daripada orang awam dan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Rekod yang dipegang oleh Kerajaan dalam hal ini adalah sangat memuaskan. Kerajaan kita telah membuktikan bahawa ianya menjalankan tanggungjawab yang dipikulnya dengan penuh yakin dan jujur.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai pendekatan boleh diambil mengenai isu BMF ini. Satu pendekatan adalah untuk merasa sedih mengenai jumlah wang yang telah hilang. Satu lagi pendekatan adalah menghebohkan supaya mereka yang bersalah di sisi undang-undang dibicarakan.

Kedua-dua pendekatan ini adalah wajar. Kita rasa sedih banyak wang telah hilang dan mereka yang didapati bersalah perlu dihukum. Walaupun saya bersimpati dengan kedua-dua pendekatan ini, Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini saya ingin mengambil satu pendekatan yang lebih positif. Saya ingin menarik perhatian kepada aspek-aspek yang positif berkenaan dengan isu BMF ini.

Skandal BMF ini telah memberi kesempatan untuk kita menyedari hakikat sebenarnya mengenai kita sebagai sebuah masyarakat dan negara. Yang pertama, kita telah membuktikan bahawa morale masyarakat kita adalah tinggi. Ada negara-negara lain di mana isu seperti BMF ini merupakan kejadian harian dan diterima oleh masyarakat mereka tetapi di negara kita keadaannya adalah berlainan. Orang-orang Malaysia sudah tentu tidak boleh menerima kesalahan khususnya di sisi

undang-undang dan rasuah. Kita sudah pasti akan mengutuk segala kegiatan yang bersalah dan berasuah.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, isu BMF telah membuktikan bahawa kita mempunyai sebuah Kerajaan yang penuh bertanggungjawab yang sendirinya tidak akan menerima (tolerate) rasuah.

Ramai orang sudah lupa bahawa pengumuman-pengumuman awal mengenai isu BMF sebenarnya adalah dibuat oleh Perdana Menteri sendiri. Pada mulanya beliau yang mengatakan bahawa didapati pegawai-pegawai atasan yang tidak boleh dipertanggungjawab dan diharapkan seperti kata pepatah: "Harapkan pagar, pagar makan padi".

Setelah kenyataan-kenyataan Perdana Menteri, barulah kita mendapat hujah-hujah daripada orang-orang kritik. Teladan Kerajaan seperti ini akan disanjung tinggi dan dipuji oleh masyarakat.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, isu BMF ini juga mewujudkan satu interaksi yang baik di antara pihak Kerajaan dan orang awam. Apabila Kerajaan didesak untuk menjadikan Laporan Jawatankuasa Ahmad Noordin umum, Kerajaan telah menimbangkan semua aspek yang berkaitan termasuk aspek perundangan. Akhirnya Kerajaan telah mengumumkan Laporan tersebut, walaupun didapati beberapa masalah di sisi undang-undang.

Pada hari ini kita sebagai Ahli Parlimen mendapat peluang untuk membahaskan Laporan tersebut. Saya yakin dan percaya bahawa kita telah mengendalikan isu BMF secara matang dan dengan dignity yang tinggi. Masyarakat Malaysia boleh merasa bangga kerana dapat mengendalikan satu isu yang rumit dengan penuh tanggungjawab dan matang.

Tuan Yang di-Pertua, tugas kita masih belum tamat lagi, masih didapati seruan supaya menghukum pihak yang bersalah. Perkara ini mudah disebut tetapi sebagai seorang peguam, saya memang sedar bahawa bukanlah senang untuk menguruskan hal ini. Jenayah ini sebenarnya dilakukan di Hong Kong dan terpulanglah kepada pihak kerajaan Hong Kong untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka yang terlibat. Ada pihak yang mengatakan bahawa perlu diwujudkan satu Suruhanjaya Di Raja untuk menyiasat skandal BMF ini.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Di Raja sebenarnya tidak akan dapat membuat lebih daripada apa yang dilaporkan oleh Jawatankuasa Penyiasat Ahmad Noordin. Di samping itu Suruhanjaya Di Raja juga tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan terhadap seseorang penjenayah. Ia hanya dapat memberi pandangan atau sokongan supaya seseorang didakwa di mahkamah sekiranya didapati bukti-bukti yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya penubuhan Suruhanjaya Di Raja adalah membuang masa. Kita telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membina suatu sistem perundangan dan mahkamah bagi maksud pendakwaan. Saya rasa bahawa Peguam Negara mempunyai sumber kakitangan dan struktur organisasi yang sesuai untuk menjalankan penyiasatan yang terperinci terhadap mereka yang terlibat dalam skandal BMF. Apakah gunanya membentuk Suruhanjaya Di Raja untuk menjalankan tugas-tugas seperti Peguam Negara?

Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih baik dan wajar bagi Peguam Negara menjalankan tugasnya berlandaskan kepada Undang-undang Negara. Saya merayu kepada Peguam Negara agar beliau akan dapat memberi perhatian dan priority yang maksima kepada

penyiasatan skandal BMF ini supaya ianya dapat diselesaikan secara muktamad.

Walaupun saya telah menyatakan mengenai jumlah wang yang telah hilang dan perlunya mereka yang terlibat didakwa, namun saya ingin menarik perhatian kepada isu utama yang menyebabkan skandal BMF ini. Pihak Pembangkang telah mengambil satu pendirian yang mudah di mana segala kesilapan dan kesalahan diletakkan di tangan Kerajaan. Ini adalah tidak adil dan saksama. Kerajaan mewujudkan undang-undang, ianya juga menguatkuasakan undang-undang tersebut. Tetapi Kerajaan tidak boleh memaksa seseorang itu supaya jujur. Kejujuran adalah kelakuan seseorang. Jika seseorang tidak boleh dipercayai, maka ia akan mencari cara-cara untuk menipu pihak berkuasa.

Walaupun kita boleh meluluskan undang-undang terhadap rasuah, namun ada juga mereka yang masih berasuah. Kita tidak boleh menuduh dan mempersalahkan Kerajaan jika pegawai yang bertanggungjawab itu tidak beramanah dan jujur. Namun demikian, BMF adalah satu pengajaran kepada negara kita khususnya dalam melantik pegawai-pegawai yang memegang jawatan-jawatan tinggi yang beramanah. Ini adalah pengajaran yang paling penting daripada isu BMF. Kerajaan perlu melantik pegawai-pegawai yang boleh dipercayai dan jujur ke dalam institusi, agensi atau badan-badan yang berkenaan di mana Kerajaan mempunyai kepentingan atau pengaruh. Seseorang tidak harus dilantik terus ke dalam perjawatan tinggi yang memerlukan amanah sehingga ia telah berkhidmat di berbagai peringkat dan mempunyai satu "track record" yang baik. Proses pemilihan yang lebih rapi perlu diwujudkan bagi jawatan tinggi di sektor awam. Perjawatan di Agensi-agensi di Luar Belanjawan, Off Budget

Agencies, perlu berdasarkan kepada kriteria yang tegas dan khusus.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya pemilihan dan perlantikan pegawai-pegawai tinggi di Agensi-agensi di Luar Belanjawan dibuat oleh satu Suruhanjaya Bebas. Jika kita dapat menjalankan ini, maka saya rasa kita akan mengenyahkan mereka yang tidak boleh dipercayai dan tidak jujur daripada dilantik ke jawatan-jawatan tinggi dan seterusnya dapat mengelakkan isu seperti BMF ini.

Akhirnya, saya rasa begitu sedih bahawa banyak wang telah hilang dan mereka yang bersalah di sisi undang-undang masih tidak dapat dihukum. Tetapi walau bagaimanapun kita tidak boleh berasa emosi mengenai hal ini. Pengkritik-pengkritik isu BMF ini perlu sedar bahawa Kerajaan juga memang mengambil berat seperti orang awam terhadap kehilangan wang dan sedang mencari jalan untuk menghukum penjenayah-penjenayah yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bahawa isu ini tidak sepatutnya diheboh-hebohkan lagi, malahan kita perlu menegakkan keadilan melalui proses perundangan. Daripada pengalaman dan pengajaran skandal BMF ini, kita perlu menentukan supaya pada masa yang akan datang kejadian seumpama ini tidak berulang lagi. Di samping itu kita perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mengekalkan semula keyakinan dalam sistem Bank Negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menyentuh sedikit tentang isu Memali. Saya mesti menjelaskan di sini bahawa saya bukanlah seorang pakar dalam agama Islam. Sungguhpun saya pernah membaca undang-undang Islam sebagai subject perundangan, saya tidak berkelayakan untuk memberi sebarang pandangan

atau membincangkan falsafah agama Islam. Sekiranya saya ingin berbuat demikian, kemungkinan besar saya akan membuat kesilapan dan akan menjadi bahan kritikan semua pihak. Tetapi sebagai seorang rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan yang mengambil berat tentang kedudukan semasa negara, saya tidak dapat mengabaikan isu Memali.

Mungkin terdapat setengah golongan yang menganggap peristiwa Memali sebagai pertelingkahan di antara orang Muslim sahaja dan tidak kena mengena dengan orang-orang bukan Islam. Muslim atau bukan Muslim, kita semua adalah rakyat Malaysia yang berhasrat tinggi untuk hidup secara aman, bersatu-padu dan maju. Kita tidak mahu golongan fanatik dari sebarang agama atau ajaran untuk mempengaruhi negara ini. Melalui Perlembagaan, negara kita memberi kebebasan kepada semua rakyat untuk mempraktikkan agama masing-masing. Namun demikian, kegiatan-kegiatan agama ini hendaklah tertakluk kepada undang-undang negara ini. Undang-undang yang berkaitan dengan menjaga keamanan hendaklah dipatuhi oleh semua rakyat tanpa mengira agama. Atas nama agama, tiada sesiapa pun dapat melanggar undang-undang di negara ini. Islam adalah agama rasmi negara ini dan Kerajaan kita membelanjakan banyak wang dan masa untuk membina nilai-nilai Islam di negara ini. Usaha-usaha Kerajaan kita ke arah ini telah pun membawa penghormatan kepada negara kita dan negara-negara Islam yang lain. Walau bagaimanapun, dalam isu Memali, Kerajaan kita telah menunjukkan bahawa ia akan bertindak tegas terhadap sesiapa yang menyalahgunakan agama Islam untuk kepentingan diri sendiri dan ia tidak akan bertolak-ansur dengan anasir-anasir yang tidak menghiraukan undang-undang negara kita. Rakyat bukan Islam di negara ini hendaklah meneliti peristiwa Memali dengan

betul-betul dan perlu menunjukkan bahawa kita tidak akan bertolak-ansur dengan golongan fanatik.

Sungguhpun UMNO sebuah parti orang Islam dia dapat bekerjasama dengan orang-orang dari agama dan kaum lain untuk mengekalkan keamanan di negara ini. Saya merayu kepada orang-orang bukan Islam di seluruh negara untuk menunjukkan sokongan mereka kepada orang-orang Islam yang bersifat, dengan izin, "moderate", matang dan bertanggungjawab dan seterusnya mengeneipkan ajaran serta polisi golongan pelampau seperti parti PAS.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah menyatakan isu-isu agama adalah sangat sensitif. Saya berharap dalam ucapan saya, saya tidak menyentuh sebarang isu yang mempunyai sensitiviti agama. Dalam Dewan yang mulia ini saya hanya berucap sebagai seorang rakyat Malaysia yang tulen yang mencintai negara ini dan yang tidak mahu melihat sebarang kekacauan atau huru-hara di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya ingin menyentuh banyak lagi perkara berkaitan dengan ekonomi negara kita, saya rasa adalah lebih sesuai saya membangkitkan perkara itu semasa Dewan ini membahaskan Rancangan Malaysia Kelima. Dengan kata-kata ini, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

5.43 *ptg.*

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Di dalam ucapannya ada menyentuh bahawa ekonomi negara kita ini merosot dan ini adalah hakikat dan

sekalian rakyat Malaysia mestilah menghadapi hakikat ini dan hendaklah mengambil tindakan yang tegas supaya kita semua bolehlah menghadapi kesusahan ini bersama-sama.

Yang pertama, kita mestilah berjimat dan ambil segala tindakan supaya perbelanjaan kita ini adalah sesuai. Oleh sebab ini saya berasa serba sedikit kekeliruan bila saya mendapat jawapan daripada pihak Kementerian Pelajaran bahawa pada masa sekarang Kementerian Pelajaran tidak ada apa-apa rancangan untuk memendekkan masa untuk murid-murid yang cerdik pandai supaya kursus itu dapat dihabiskan dalam masa yang pendek. Pada masa sekarang ini saya berasa pertolongan mesti diberikan kepada semua pihak supaya perbelanjaan itu dapat dikurangkan dan jika sekiranya murid-murid atau penuntut-penuntut dapat mengurangkan masa dalam persekolahan atau universiti, ia juga dapat menolong tanggungan perbelanjaan ibu bapa dan seperti yang baru sahaja saya katakan segala tindakan mesti diambil untuk mengatasi masalah-masalah.

Berkenaan hal ini peristiwa tragik atau dahsyat di Memali ini mestilah membuka mata kita semua di atas bahayanya jika sekiranya agama itu dicampur dalam politik. Sungguhpun dalam negara kita ada satu Perlembagaan yang memberikan jaminan bahawa tiap-tiap seorang yang beragama itu bolehlah mengamalkan agamanya dengan bebas dan juga mungkin mengajar agamanya di bawah sesuatu syarat. Sungguhpun begitu kita semua mestilah membidas orang-orang yang salah menggunakan agama untuk diri sendiri. Ini sangat merbahaya dan kita semua dapat juga tahu apa yang telah berlaku di negara lain. Misalnya di United Kingdom, di Ireland Utara itu bila agama disalahgunakan adalah huru-hara di antara kaum di sana. Oleh sebab itu orang-orang yang bertanggungjawab dalam kejadian

Memali itu mestilah dibidas dan tindakan tegas mesti diambil terhadap mereka.

Di sini saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak Polis yang sangat sabar di dalam kejadian itu. Kejadian di Memali kemudian diikuti dengan kejadian di Sabah, peristiwa-peristiwa bom dan keganasan yang ditimbulkan itu. Oleh sebab itu kita mestilah meminta Kerajaan supaya mengambil tindakan tegas terhadap pemimpin-pemimpin yang berkenaan di atas penjenayahan-penjenayahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa semua agama yang diamalkan di negara kita ini adalah mengajar sesuatu yang baik, mengajar kita supaya kita jangan mencuri, jangan menipu, jangan membenci sesama manusia, hanya mencintai Tuhan. Tetapi ada juga orang-orang dengan tujuan kepentingan diri sendiri yang salah menggunakan agama ini dan di atas agama mereka membunuh, mereka menimbulkan keganasan, menimbulkan kekacauan di negara. Maka Kerajaan dan kita semua mesti memberi perhatian yang kuat kepada perbuatan orang-orang ini. Jangan rakyat Malaysia berfikir bahawa sesuatu kekacauan yang berlaku oleh kerana agama tetapi disebabkan oleh sebenarnya kerana ada, dengan izin, selfish motives orang-orang yang terlibat.

Mereka hendak mendapat kuasa politik dan mereka tahu bahawa agama adalah satu alat yang digunakan oleh mereka untuk mencapai tujuan mereka. Agama seperti yang saya sebutkan tadi adalah selalu mengajar baik kepada kita di negara ini dan beberapa lama di negara kita ini ada banyak mission, atau banyak ahli-ahli agama yang datang ke sini untuk mendirikan sekolah-sekolah, memberikan pendidikan yang baik kepada anak-anak di negara ini. Orang-orang yang mendapat kemerdekaan kepada kita dalam

negara ini juga menghargai tinggi pendidikan-pendidikan yang telah diberikan oleh mission-mission ini, sama ada mission ini adalah beragama Islam atau beragama Buddha atau beragama Kristian.

Di negara ini banyak juga orang-orang yang telah mendapat pendidikan di dalam sekolah-sekolah mission Kristian dan mission Kristian ini telah mendirikan sekolah-sekolah di seluruh negara ini dan juga telah memberikan pendidikan jasmani dan rohani kepada orang-orang yang telah mendapat pendidikan dari sekolah-sekolah yang tersebut.

Satu di antara tujuan mission ini selain daripada memberikan pendidikan yang baik, yang berdisiplin, yang bermoral, ia juga memberikan ajaran agama Kristian kepada mereka yang memeluk agama Kristian. Seperti yang saya katakan dalam Perlembagaan Negara kita ada jaminan bahawa tiap-tiap agama, pihak agama itu bolehlah memberikan ajaran agama mereka di bawah sesuatu syarat dan kerana sekolah-sekolah ini didirikan dengan tujuan itu, saya merayu kepada Kerajaan memberikan kebebasan kepada sekolah-sekolah ini untuk mengajar agama Kristian kepada mereka yang beragama Kristian dalam masa persekolahan. Dalam semua sekolah sekarang ada murid-murid yang beragama Buddha, Hindu, Islam, Kristian dan juga ada di antara mereka belajar di dalam sekolah-sekolah Kristian. Maka dalam masa murid-murid yang beragama Islam itu belajar ajaran agama Islam ini, sepatutnya pihak Kerajaan mesti juga memberikan peluang kepada murid-murid yang beragama lain belajar agama-agama mereka dalam masa yang sama.

Bagi sekolah agama, untuk mengelakkan salah faham, sesebuah sekolah beragama Islam janganlah Kerajaan melantik seorang Kristian atau seorang Hindu atau seorang

Buddha untuk menjadi guru besar di dalam sekolah agama Islam itu. Begitu juga saya harap bahawa Kerajaan juga janganlah melantik seorang Hindu atau seorang Buddha atau seorang Islam untuk menjadi guru besar di sesebuah sekolah beragama Kristian kalau boleh. Dengan hal yang demikian, Menteri Pelajaran mestilah memberikan arahan kepada semua Pengarah Pelajaran Negeri supaya mengadakan perbincangan bila sesuatu jawatan tinggi di dalam sesebuah sekolah itu kosong supaya salah faham tidak tertimbul.

Berkenaan dengan sekolah-sekolah yang telah menerima bantuan daripada Kerajaan, bantuan yang tidak penuh, misalnya sekolah-sekolah Cina yang dahulu digunakan sebagai sekolah bebas tetapi kerana mereka telah mendapat bantuan yang tidak penuh dan begitu juga sekolah mission, nampaknya tidak saksama kalau tuannya tanah-tanah yang digunakan untuk sekolah-sekolah ini dipaksa membayar cukai tanah dan cukai pintu kerana harta ini tidak digunakan untuk keuntungan mereka sendiri. Harta-harta ini telah dipinjamkan kepada Kerajaan untuk digunakan sebagai sekolah. Oleh sebab itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya sesuatu "liason" dibuat di antara tiap-tiap Kerajaan Negeri supaya cukai-cukai seumpama ini dapat dikecualikan atau tuannya tanah dikecualikan untuk membayar cukai-cukai yang tersebut tadi.

Kita semua tahu pada masa sekarang ada perkauman atau polarisasi perkauman. Kita semua pun tahu bahawa kelakuan ini tidak baik dan tindakan mesti diambil supaya perkauman atau polarisasi perkauman ini dikurangkan atau dilenyapkan. Tetapi malangnya sama ada di dalam sekolah atau di dalam bidang politik, apa yang kita hadapi ialah perkauman.

Di dalam sekolah murid-murid selalu diingatkan bukan bahawa

mereka orang rakyat Malaysia tetapi mereka adalah orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Kadazan. Bila mereka pergi ke universiti, persatuan-persatuan yang ditubuhkan oleh mereka itu nampaknya bukan persatuan orang Malaysia, tetapi persatuan sesuatu kaum. Maka di sini kita berharap bahawa tindakan akan dibuat bukan sahaja oleh Kerajaan tetapi oleh segala pihak yang berkenaan supaya tiap-tiap seseorang itu dapat mengangap dirinya sendiri sebagai orang Malaysia dan bukan orang Cina, Melayu atau orang India. Kalau ini dibuat, saya fikir tak lama perkauman atau polarisasi perkauman itu akan dilenyapkan.

Berkenaan dengan skandal BMFL kita semua mestilah memberi tahniah kepada Kerajaan kerana dia telah mengumumkan laporan berkenaan, Laporan Jawatankuasa Penyiasatan kepada orang awam. Dengan perbuatan demikian, Kerajaan telah menunjukkan bahawa ia tidak ada sesuatu untuk dilindungi atau disembunyikan dan khabar-khabar angin yang telah selalu disebarikan itu dapat dihapuskan.

Kita tahu, oleh sebab ada khabar-khabar angin telah disebarikan, ada ramai juga orang yang hendak membaca Laporan itu. Tetapi malangnya, harga Laporan itu nampaknya terlalu tinggi. Oleh sebab itu kebanyakan orang-orang tidak dapat membelinya. Barangkali Kerajaan dapat atau Pencetak Negara dapat mengurangkan harga itu supaya lebih ramai orang dapat membaca Laporan itu dan pelajaran dapat disebarikan kepada mereka. Apakah pelajarannya? Pelajaran dari Laporan ini bolehlah diambil sebagai pengajaran iaitu sungguhpun sesuatu pentadbiran atau sistem itu baik, kalau orang-orang yang tidak tulus ikhlas, yang tidak mempunyai integrasi yang dilantik menjadi pengarah atau menjadi orang yang bertanggungjawab

itu, segala sistem kebaikan itu juga dihapuskan.

Di sini kita semua juga menghargai kerja-kerja Jawatankuasa Penyiasatan ini sungguhpun mereka nampaknya adalah bekerja di bawah banyak kesusahan, mereka dapat mengumpulkan laporan dan dapat mendedahkan segala perbuatan yang salah dan juga memberitahu kepada Kerajaan dan kita, semua orang-orang yang terlibat di dalam perkara itu. Apa yang mesti dibuat sekarang ialah mengambil tindakan tegas supaya orang-orang yang salah itu dapat ditangkap supaya perbuatan yang buruk ini tidak diulangi bukan sahaja Bank Bumiputera Finance Ltd, atau BBMB tetapi segala agensi-agensi Kerajaan, agensi-agensi yang sekarang dikatakan, dengan izin, non-finance public enterprises.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi mengucapkan sokongan saya di atas Usul menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

6.05 ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk bangun dan membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda di Parlimen dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keenam pada 10hb Mac yang lalu. Titah Ucapan Baginda walaupun ringkas, tetapi tepat pada matlamat yang dihadapi oleh negara kita Malaysia. Sekiranya nasihat-nasihat yang disarankan oleh

Baginda di dalam Titah Ucapan Baginda yang baru lepas, saya yakin dan percaya negara kita akan bertambah aman dan maju dan rakyat akan dapat terus hidup dengan aman dan bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda ada menyebut berkenaan dengan pertumbuhan ekonomi negara yang lembap kerana kemelesetan ekonomi dunia, kita berasa bertuah kerana kita dapat terus hidup dengan aman dan damai dengan tidak ada gangguan yang boleh menghilangkan kesabaran kita. Ini adalah di atas kebijaksanaan pemimpin kita yang berjaya mengawasi keadaan-keadaan yang berlaku dengan melaksanakan berbagai-bagai alternatif memperbaiki keadaan ekonomi negara kita.

Masalah pengangguran yang dihadapi oleh negara kita sekarang, saya berharap supaya Kerajaan akan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan sepertimana yang disarankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Baginda. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya mengadakan peraturan yang lebih ketat kepada pelabur-pelabur asing yang akan datang ke negara pelabur-pelabur asing yang akan datang ke negara kita supaya jangan begitu senang sekali menutup kilang-kilang mereka dengan alasan-alasan yang tidak munasabah. Ini menyebabkan pengangguran yang berlaku di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah kemelesetan ekonomi juga, walaupun kita terjejas dalam masalah ini sepertimana yang saya katakan tadi, kita berasa syukur kerana kita dapat juga hidup dengan mewah kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain. Jadi saya rasa rakyat di negara kita ini mesti faham keadaan yang berlaku ke atas negara kita dan kita sedikit sebanyak mestilah bersimpati dengan

Kerajaan kita sepertimana yang telah dinyatakan oleh pemimpin-pemimpin kita dalam masalah kemelesetan ekonomi. Kerajaan sendiri telah bertindak bagi mengatasi masalah-masalah ini. Di antaranya Kerajaan telah mengurangkan projek-projek mewah ataupun projek-projek yang tidak memberi begitu faedah kepada rakyat, sama ada diteruskan ataupun projek-projek baru dan ini adalah satu cara bagi kita mengurangkan inflasi ataupun bagi kita mengurangkan tekanan masalah kemelesetan ekonomi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan demikian kerana ada di kalangan kita yang sedang terus memperjuangkan kenaikan gaji. Jadi bagi Kerajaan, saya yakin dan percaya Kerajaan kita adalah Kerajaan yang adil kerana kalau tidak ada sesuatu yang boleh menjejaskan keadaan negara kita ataupun keadaan kewangan negara kita, maka saya percaya dan yakin Kerajaan kita tidak akan mengabaikan permintaan-permintaan yang dimajukan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tetapi sepertimana yang kita maklum bahawa negara kita sedang mengalami kemelesetan ekonomi maka sudah tentulah sesuatu permintaan yang boleh melibatkan kewangan Kerajaan kita terpaksa menangguhkan buat sementara waktu. Jadi, saya merayulah kepada pihak CUEPACS sekarang ini jangan lagi terus untuk memperjuangkan tuntutan mereka itu dan sekiranya tidak dilaksanakan mungkin suatu tindakan akan diambil oleh pihak mereka. Sepertimana yang saya katakan, Kerajaan kita adalah Kerajaan yang adil dan pada masa-masa lepas tuntutan-tuntutan yang kita buat telah pun dilaksanakan oleh pihak Kerajaan tetapi pada masa sekarang oleh kerana kemelesetan, kekurangan kewangan sepertimana yang disarankan oleh pemimpin-pemimpin kita, terutama sekali kejatuhan harga bijih, harga

minyak, harga kelapa sawit, getah dan sebagainya. Ini menjejaskan ekonomi negara kita.

Saya sekali lagi berseru kepada pihak CUEPACS memberhentikan tuntutan mereka itu kerana kita sayangkan kepada negara kita. Kita perlu projek-projek yang diperlukan oleh pihak penduduk-penduduk luar bandar adalah lebih penting daripada kita menuntut hak-hak yang lebih daripada yang ada sekarang. Kerana dalam tinjauan kita ataupun tuan-tuan ataupun pihak-pihak berkenaan sudah pun maklum bahawa bayaran gaji yang dibayar oleh negara kita ini lebih baik kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran. Jadi, apabila sampai masanya, insya Allah, Kerajaan akan melaksanakan permintaan pihak yang saya sebutkan tadi. Buat masa sekarang sebagai rakyat yang setia kepada negara kita, kita berharap perkara ini bolehlah drentikan buat sementara, mudah-mudahan kita akan dapat nikmatnya pada masa akan datang sekiranya ekonomi kita pulih seperti biasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda juga menyebut berkenaan penyusunan semula masyarakat. Jadi, di negara kita ini terdiri daripada berbagai-bagai kaum iaitu kaum Bumiputera, kaum Tionghua, Hindu dan berbagai-bagai kaum lagi. Kita berasa syukur kerana dapat hidup aman dan damai dengan kerjasama di antara satu kaum dengan satu kaum di negara kita ini. Kalau kita bandingkan dalam dunia ini negara kitalah unik dalam masalah berbilang kaum tetapi syukur alhamdulillah kita dapat hidup dengan aman dan damai. Ini adalah tergantung daripada pihak-pihak pemimpin, kaum itu sendiri. Jadi, kalau pihak-pihak pemimpin daripada kaum-kaum pandai membawa diri, pandai menyesuaikan diri, pandai memberi penjelasan kepada pihak kaum masing-masing maka saya rasa keadaan yang ada sekarang ini akan berterusan.

Dalam masalah ekonomi ataupun peluang-peluang yang diberikan kepada bumiputera, saya rasa tidak akan menjejaskan kaum-kaum lain malah kaum-kaum yang lain, juga dapat nikmat sepertimana yang mereka sedia dapat. Saya berasa dukacita sedikit akhir-akhir ini ada di kalangan kawan-kawan kita yang cuba membangkitkan masalah ini. Kalau kita cuba membangkitkan masalah itu, saya rasa kita tidak akan dapat teruskan rancangan-rancangan kita untuk ke semua rakyat kerana boleh dikatakan ada gangguan ataupun ada ranjau-ranjau di sepanjang jalan. Saya berserulah kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya memberhentikan perkara-perkara ini supaya dapat kita teruskan projek dan rancangan-rancangan kita untuk semua kaum. Apa yang ada pada Malaysia kita ini, saya rasa tidak ada tindas-menindas kepada mana-mana kaum tetapi sebaliknya adalah suatu rancangan ataupun tindakan yang memberi faedah kepada semua kaum.

Dalam masalah pelajaran, dalam segi ekonomi, pemberian kepada kontraktor-kontraktor dan sebagainya adalah begitu adil sekali. Walaupun kaum bumiputera diberikan keistimewaan tetapi kaum bumiputera masih lagi kebelakangan. Walaupun begitu pihak kaum Bumiputera tidak ada iri hati dalam masalah ini. Kerana kaum Bumiputera khasnya orang Melayu berasa perpaduan itu lebih penting daripada segala-galanya. Kalau kita kaya-raya tetapi kita tak dapat hidup aman dan damai, saya rasa tidak ada faedahnya kalau kita ada duit banyak sekalipun. Sebab itulah pihak kaum Bumiputera tidak ada cemburu dan sebagainya di atas tindakan Kerajaan kerana ini adalah seadil-adil Kerajaan yang terdapat mungkin di dalam dunia pada hari ini. Saya berserulah kepada rakan-rakan kita supaya berhati-hati dalam masalah ini. Kerana orang Melayu ini adalah orang yang sabar dan kita berharap

kesabaran itu akan berterusan demi untuk kepentingan negara kita. Perpaduan kita patut diletakkan di atas segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi kemelesetan ekonomi, Duli Yang Maha Mulia telah menyebut berkenaan dengan mempertingkatkan sektor pertanian. Negara kita sekarang ini boleh dikatakan negara pertanian. Sebab itulah kemelesetan ekonomi yang berlaku di negara kita ini tidak begitu terjejas dalam kehidupan seharian penduduk-penduduk di negara kita ini. Kerana walau bagaimanapun, kita dapat juga makan walaupun tidak semewahnya daripada masa-masa yang lepas.

Dalam segi pertanian, penduduk-penduduk yang bertani dapat juga makan sayuran, ikan dan sebagainya. Ia tidak ada terjejas akibat kemelesetan ekonomi yang berlaku di negara kita ini. Oleh kerana pertanian ini amat penting, saya harap kepada Kerajaan supaya aktiviti perladangan bercorak commercial patut dipertingkatkan sepertimana yang disarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya. Jadi, dalam segi pertanian terutama sekali di utara Semenanjung Malaysia ini dan juga di negeri Perak, Kelantan dan sebagainya masalah penanaman padi hendaklah dipertingkatkan.

Kerajaan sekarang ini sedang berusaha untuk mempertingkatkan aktiviti perladangan bercorak commercial dengan mengadakan ladang berkelompok ataupun mini estet yang sedang dirancangan oleh pihak Kerajaan dan ada setengah-setengah tempat telah pun dilaksanakan. Ini adalah memberi kebaikan kepada petani-petani kita, kerana ini adalah satu projek yang boleh menguntungkan kepada kaum tani khususnya dan oleh kerana kaum-kaum tani terdiri daripada kalangan

manusia yang duduk di luar bandar maka penerangan dan penjelasan yang teliti patut diberi kepada mereka ini menerangkan betapa mustahaknya mengadakan ladang berkelompok ataupun pra perladangan ataupun mini estet kepada mereka.

Masalah-masalah yang timbul oleh pihak petani ataupun peladang-peladang di negara kita ini ada yang kadangkala menentang berkenaan dengan ladang berkelompok ini kerana penjelasan daripada pihak yang berkenaan tidak begitu teliti ataupun tidak begitu menyeluruh diberi penerangan kepada mereka yang saya sebutkan tadi. Saya berseru kepada pihak Kementerian atau Jabatan-jabatan yang berkenaan supaya memberi penerangan ataupun penjelasan juga kursus-kursus yang tertentu kepada petani-petani supaya dapat mereka faham kebaikan yang Kerajaan akan laksanakan. Ini adalah penting. Saya yakin dan percaya sekiranya penerangan dan juga penjelasan yang disampaikan oleh pihak yang berkenaan kepada petani-petani itu dengan detail, dengan terang dan jelas, maka tidak ada masalah petani-petani akan menolak rancangan yang baik ini kerana kita faham petani-petani adalah terdiri daripada orang-orang luar bandar yang pelajaran mereka kurang daripada yang ada di bandar. Jadi, penjelasan yang penting patut diberi kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah Persidangan PATA di negara kita ini. Saya juga berasa sukacita dan terima kasih kepada pihak-pihak yang berkenaan kerana negara-negara lain memilih Malaysia kita ini sebagai tuan rumah untuk mengadakan Persidangan PATA yang akan bermula pada 9 haribulan ini. Ini adalah satu keistimewaan yang diberi kepada negara kita. Dengan ini, saya rasa industri pelancongan di negara kita ini akan bertambah maju daripada satu masa ke satu masa dan mungkin pada

tahun-tahun yang akan datang pelancong-pelancong akan banyak datang ke negeri kita ataupun melawat ke negara kita dan dengan banyak lawatan ke negara kita ini, insya Allah, negara kita akan bertambah kewangan ataupun bertambah hasil daripada lawatan-lawatan yang akan dibuat oleh penduduk-penduduk daripada negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka ada juga menyebut berkenaan dengan ancaman komunis. Pada masa sekarang ini ancaman komunis ataupun pengganas komunis dapat kita kawal. Pada satu ketika dahulu daripada tahun 1948, maka pada ketika itu penduduk-penduduk di negara kita ini sedang diancam oleh komunis dan Kerajaan telah mengeluarkan berjuta-juta ringgit untuk melawan komunis, terutama sekali komunis yang ada di dalam bandar dan juga di dalam hutan. Dengan ketabahan dan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita pada masa itu komunis dapat kita hapuskan, walaupun tidak 100% tetapi dapat kita kawal. Tetapi sekarang timbul pula masalah penyalahgunaan agama untuk kepentingan peribadi dan untuk kepentingan parti-parti politik yang sedang bermaharajalela sekarang. Ancaman ini tidaklah begitu ringan kalau dibandingkan dengan ancaman komunis. Inilah yang sekarang Kerajaan sedang berusaha bagi mengelakkan merebaknya penyalahgunaan agama yang terdapat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saudara-saudara kita tentu faham bahawa sekarang ini agama sedang digunakan sebagai alat politik untuk kepentingan sesebuah pertubuhan politik, ini sangat menyedihkan kita. Sebelum saya teruskan, saya ingin menyarankan kepada pihak yang berkenaan, terutama sekali kepada pihak Kementerian Dalam Negeri supaya menyekat sedikit kemasukan pendakwah-pendakwah daripada luar

negeri ke dalam negara kita ini kerana pada masa sekarang ini kita lihat bahawa kemasukan pendakwah-pendakwah daripada luar negeri ini sedang bermaharajalela, tidak ada sekatan oleh pihak-pihak yang tertentu. Kita takut dengan kedatangan pendakwah-pendakwah daripada luar negeri yang tidak kita kawal, tidak kita periksa, tidak kita teliti, maka mereka inilah yang akan memberi dakwah sebagai pendakwah-pendakwah kepada rakyat negara kita ini yang boleh memesongkan akidah Islam yang sebenarnya. Saya berseru sekali lagi kepada pihak yang berkenaan supaya mengawasi pihak-pihak pendakwah yang datang daripada luar ini supaya dapat kita sedikit-sebanyak mengawal kemasukan mereka itu.

Di samping itu, di negara kita ini sepertimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa ada satu parti politik yang menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka. Mereka anggap dan mengatakan politik itu adalah agama, jadi ini memesongkan pemikiran, terutama sekali orang-orang di luar bandar, orang yang tua-tua dan juga pihak muda-mudi. Parti ini menggunakan agamanya begitu ekstrim sekali mengatakan parti mereka ini ialah parti Islam, siapa yang masuk parti mereka, barulah jadi Islam yang sebenarnya dan kalau masuk parti mereka ini, boleh masuk syurga dan sebagainya. Jadi, ini memesongkan pemikiran rakyat. Saya anggap Parti PAS ini, biarlah saya terus-terang—"P-A-S" ini bukan "Parti Islam SeMalaysia", tetapi "Parti Ajaran Sesat" ataupun "Parti Agama Sesat" kerana peristiwa Memali yang kita lihat dalam tayangan TV tempoh hari menunjukkan bagaimana mereka memesongkan pemikiran orang-orang di kampung itu, hinggakan mereka ini sanggup menggadaikan nyawa kerana menganggap kalau mati dalam pertempuran itu akan terus masuk

syurga, hinggakan orang-orang perempuan dan kanak-kanak sendiri sanggup melawan pihak Polis. Inilah satu perkara yang agak ganjil.

Kalau kita perhati pada masa-masa yang lepas, orang-orang kampung ini dengan Polis cukup takut, terutama sekali kanak-kanak, kalau nampak Polis sahaja mesti mereka lari. Kalau kita naik motosikal tak ada lesen ataupun lesen kita mati, kalau jumpa Polis, kita akan tinggalkan motosikal dan cabut lari. Tetapi apa yang berlaku di Memali adalah berlainan sama sekali. Pihak kanak-kanak sanggup menyerang Polis, pihak wanita sanggup menyerbu kepada Polis. Inilah satu perkara yang luar biasa. Ini tidak lain dan tidak bukan adalah hasutan daripada pihak-pihak yang tertentu menyebabkan beberapa orang yang mati, termasuk pegawai Polis kita.

Bagi saya, saya ucapkan tahniah kepada pihak Polis kerana bertindak

begitu cermat sekali dan mereka sendiri tidak menyangka yang pihak orang-orang kampung akan menembak mereka daripada dalam hutan kerana perkara ini tidak terlintas di fikiran Polis yang orang kampung sanggup menembak mereka. Ini satu perkara luar biasa, sebab itulah Polis tidak berhati-hati semasa

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, maaf, masanya sudah cukup. Ucapan itu boleh disambungkan pada hari esok.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini ditangguhkan sekarang sampai esok, hari Rabu, jam 2.30 petang, 9hb April, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.